



CIAS

# PUSAT LATIHAN PENGAJAR DAN KEMAHIRAN LANJUTAN

CENTRE FOR INSTRUCTOR  
AND ADVANCED  
SKILL TRAINING

## LAPORAN TAHUNAN 2019

“MEMPERKASA  
PENGAJAR  
KEMAHIRAN  
MALAYSIA”





© Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada CIAST.

**ISBN 000-000-000-000-0**

Diterbitkan oleh:

**PUSAT LATIHAN PENGAJAR &  
KEMAHIRAN LANJUTAN (CIAST)**

**JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN  
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

Jalan Petani 19/1, Seksyen 19,  
40300 Shah Alam, Selangor.  
Tel : +603-5543 8200  
Faks : +603-5543 8200  
E-mel : info@ciast.gov.my

[www.ciast.gov.my](http://www.ciast.gov.my)

**DICETAK DI MALAYSIA**



## SIDANG REDAKSI LAPORAN TAHUNAN 2019

### **PENASIHAT**

Dr. Mohamad Bin Sulaiman K.M.N

### **KETUA EDITOR 1**

En. Jamil Bin Yahya

### **KETUA EDITOR 2**

En. Mohammad Ghazali Bin Udin

### **EDITOR**

En. Muhammad Nooradzam Bin Adam

### **GRAFIK**

Team Media CIIAST

### **PENGARANG**

En. Ahmad Mashudi Bin Alpia

Pn. Azua Binti Aripin

En. Baharil Ihzan Bin Onn

En. Ganesan A/L Murugesu

En. Hairul Nizzat Bin Bahrin

Pn. Hamimah Binti Mamat

Pn. Hamidatul Zakiah Binti Ismail

Pn. Marina Binti Sukor

Pn. Marsita Binti Abd Kadir

En. Mohd Asrofi Bin Muslim

Ts. Mohd Azrul Bin Jaafar

En. Mohd Zamri Bin Abdul Hamid

En. Mohd Zahirul Hasni Bin Zaminazha

En. Maznizam Bin Mansor

En. Nazrim Bin Tan

Pn. Norakma Binti Nawawi

Pn. Nor Hashimah Binti Abdul Majid

Ts. Dr. Norhayati Binti Yahaya

Pn. Nozie Mazzuana Binti Md Arof

Dr. Nurul Amin Bin Badrul

Pn. Rabia Binti Siamir

Pn. Razidah Binti Sagap

Pn. Rohani A/P Ngandi

Pn. Roslin Binti Mohd Basri

Pn. Rozita Binti Rashid

Pn. Shahlisa Cheah Binti Shihabudin

Pn. Suraya Binti Ali

Pn. Syurhawati Binti A.Rahim

Pn. Zuraini Binti Ismail

Datin Zainila Binti Salam

# ISI KANDUNGAN

## A. PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN

• Latar Belakang CIAST	07
• Kampus Satelit CIAST	08
• Visi, Misi dan Objektif	09
• Piagam Pelanggan & Dasar Kualiti Jabatan	10
• Carta Organisasi CIAST	12
• Profil Pengurusan Tertinggi	14
• Teraju CIAST	16
• Jasamu Dikenang	22
• Kembali Ke Rahmatullah	24
• Kenaikan Pangkat	25
• Pertukaran Pegawai	28
• Selamat Ulang Tahun CIAST!	30
• Lawatan YAB Menteri Sumber Manusia	31

## B. LATIHAN

• Keluaran CIAST	33
• Kursus Jangka Panjang	33
• Kursus Jangka Pendek/Dalam Perkhidmatan	34
• Kursus <i>Reskilling</i>	35
• Pembangunan Fasilitator	36
• Latihan Sangkutan Industri (LSI)	37
• Perkongsian Kepakaran Industri (PKI)	38
• Sistem Profil Kompetensi Pengajar TVET - Sistem TiPS	39
• Pengurusan Personel Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM)	40
• Pembangunan dan Pemantapan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN)	41
• Program Latihan Antarabangsa	42

## C. PENCAPAIAN

• Majlis Konvokesyen CIAST 2019	45
• Inovasi dan Kreativiti	48
• Pencapaian Sistem TiPS - TVET Instructor eProfiling System (TiPS)	50
• Pasukan Dron CIAST	52
• Seminar-Seminar Anjuran CIAST	54
• Laporan MS ISO 9001:2015	63
• Karnival TVET Zon Tengah 2019@CIAST	64
• Pertandingan Abilympics dan Majlis "Road To Moscow"	67
• 30 <sup>th</sup> Malaysia Panasonic Group Technical Skills Competition	68
• Kajian Kebolehpasaran Graduan CIAST	69
• Penerbitan Jurnal	73

## D. JARINGAN WARGA, INDUSTRI & MASYARAKAT

• Kelab Kakitangan CIAST (KKC)	75
• PUSPANITA CIAST	80
• Jawatankuasa Surau CIAST	83
• Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) CIAST	86
• Aktiviti Kampus Satelit CIAST	88
• Kerjasama CIAST dan Industri	89
• Anugerah Perdana Menteri Tokoh Mahir 2019	91
• Aktiviti Promosi dan Pameran	92



**CIAST**



# **PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN**

## LATAR BELAKANG CIAST

CIAST mula beroperasi pada **tahun 1983** dengan bantuan kewangan daripada **Kerajaan Jepun** di bawah **Projek Pembangunan Sumber Manusia ASEAN** dan dikawal selia oleh pakar-pakar teknikal dan pengurusan Jepun menerusi **Japan International Cooperation Agency (JICA)** sehingga tahun 1991.

CIAST beroperasi sepenuhnya di bawah **Jabatan Tenaga Manusia (JTM), Kementerian Sumber Manusia (KSM)** bermula tahun **1991** sehingga **Mei 2007** sebelum dipindahkan pengurusannya di bawah **Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)**, di kementerian yang sama pada **Jun 2007**. Perpindahan ini bersesuaian dengan peranan CIAST yang semakin penting dalam **pemeriksaan pengajar kemahiran seluruh negara**.

CIAST menawarkan **kursus latihan pengajar dan latihan kemahiran lanjutan** untuk pengajar kemahiran, penyelia dan coach di industri serta pekerja mahir dari **sektor awam dan swasta** di Malaysia dan **negara-negara luar** seperti negara-negara ASEAN dan Dunia Ketiga.



# KAMPUS SATELIT CIAST

Kampus Satelit CIAST (CSC) telah ditubuhkan di seluruh negara **semenjak 2012** dan **mula beroperasi pada tahun 2014**. Model pelaksanaan CSC ini melibatkan **kerjasama dengan pihak kerajaan dan swasta** melalui **perkongsian kemudahan, ruang dan infrastruktur kampus latihan**.

Bermula tahun 2018, **sebanyak 14 buah CSC** beroperasi di seluruh Malaysia termasuk **Sabah dan Sarawak** dengan berkeupayaan **melatih seramai 1,050** pengajar pelatih setahun. CSC tersebut adalah **CSC ADTEC Taiping, CSC ILP Selandar, CSC ILP Marang, CSC ADTEC Bintulu, CSC ILP Sandakan, CSC ILP Kepala Batas, CSC ILP Kota Bharu, CSC ADTEC Melaka, CSC ADTEC Batu Pahat, CSC ADTEC Jerantut, CSC IKBN Kemasik, CSC IKBN Kuala Langat, CSC KPM Bukit Tinggi dan CSC IPG KPT**.



1 CSC-ILP Kepala Batas, Pulau Pinang

2 CSC-ADTEC Taiping, Perak

3 CSC-IKBN Kuala Langat, Selangor

4 CSC-ADTEC Melaka, Melaka

5 CSC-ILP Selandar, Melaka

6 CSC-ADTEC Batu Pahat, Johor

7 CSC-IPG KPT, Bandar Enstek, Negeri Sembilan

8 CSC-ADTEC Jerantut, Pahang

9 CSC-IKBN Kemasik, Terengganu

10 CSC-ILP Marang, Terengganu

11 CSC-ILP Kota Bharu, Kelantan

12 CSC-Kolej Pertanian Malaysia, Bukit Tinggi, Kedah

13 CSC-ADTEC Bintulu, Sarawak

14 CSC-ILP Sandakan, Sabah

## VISI



**Organisasi peneraju dalam membangun dan memperkasakan pengajar** bertaraf dunia dalam bidang kemahiran.

## MISI



**Membangunkan pengajar bertaraf dunia yang berpengetahuan, kompeten, berdisiplin dan responsif** terhadap perubahan persekitaran dan teknologi.

## OBJEKTIF



1. Melahirkan tenaga pengajar bagi memenuhi keperluan institusi latihan kemahiran negara.
2. Meningkatkan tenaga pengajar secara berterusan dalam bidang kemahiran dan metodologi latihan mengikut perkembangan teknologi.
3. Mentauliah tenaga pengajar dan pakar industri selaras dengan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia.
4. Memperkaya kurikulum latihan kemahiran.
5. Memperkukuh hubungan dan latihan antarabangsa.
6. Memantapkan prasarana teknologi maklumat dan komunikasi serta sistem pembelajaran elektronik dan multimedia.
7. Menyediakan persekitaran dan kemudahan latihan yang kondusif dan relevan.
8. Memupuk nilai murni, sikap yang positif dan budaya kerja yang sihat kepada tenaga pengajar.

# PIAGAM PELANGGAN

Kami di **Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST)** telah diamanahkan untuk **mengeluarkan** dan **meningkatkan kemahiran** tenaga pengajar **terlatih** yang diperlukan oleh negara. Dengan itu:

- 1** Kami berjanji akan mengarusperdanakan latihan kemahiran dengan menyediakan dan mengendalikan program latihan pengajar dan latihan kemahiran yang berkualiti bersesuaian dengan keperluan institusi latihan kemahiran negara dan perkembangan teknologi semasa;
- 2** Kami berjanji untuk mengiklankan dan menyebarkan maklumat peluang latihan yang dijalankan kepada masyarakat umum. Permohonan kursus adalah terbuka sepanjang tahun. Tawaran kursus kepada mereka yang berjaya akan dikeluarkan selewat-lewatnya satu bulan sebelum kursus bermula;
- 3** Kami berjanji untuk membangunkan bahan pengajaran dan pembelajaran bagi memantapkan penyampaian latihan di pusat bertauliah awam dan swasta mengikut keperluan sektor industri negara;
- 4** Kami berjanji untuk mentauliah tenaga pengajar yang berkompeteren dan berkelayakan mengikut standard pekerjaan kemahiran kebangsaan; dan
- 5** Kami berjanji untuk menyediakan prasarana pembelajaran, kelengkapan latihan, infrastruktur ICT yang lengkap dan persekitaran yang kondusif bagi memenuhi kepuasan pelanggan.

## DASAR KUALITI JABATAN

CIAST adalah **komited** untuk **menyedia dan melaksanakan** perkhidmatan latihan yang **berkualiti selaras dengan kehendak pelanggan** khususnya dan keperluan negara amnya serta akan sentiasa memperbaiki keberkesanan perkhidmatannya.

CIAST juga **menggalakkan penglibatan kesemua kakitangan** dalam mengamalkan peningkatan kualiti kerja secara berterusan.



# **MEMPERKASA PENGAJAR KEMAHIRAN MALAYSIA**



# CARTA ORGANISASI CIAST

**PENGARAH**

**DR. MOHAMAD BIN SULAIMAN, K.M.N**

PLV DV Gred Utama C

**TIMBALAN PENGARAH  
PENGURUSAN LATIHAN (PL)**

**JAMIL BIN YAHYA**

PLV GRED DV54

**KETUA PROGRAM  
PEMBANGUNAN  
PENGAJAR  
KEMAHIRAN (PPK)**

**KOSONG**

PLV GRED DV52

- Unit Pengurusan Pembangunan Pengajar Baharu
- Unit Pengurusan Peningkatan Kemahiran
- Unit Peperiksaan dan Persijilan
- Unit Metodologi Vokasional
- Unit Kampus Satelit CIAST (CSC)
- Unit Elektrik dan Elektronik
- Unit Komputer
- Unit Kimpalan
- Unit Mekatronik
- Unit Pengeluaran
- Unit Automotif

**KETUA PROGRAM  
PEMBANGUNAN  
PROFESIONAL  
KEMAHIRAN (SPD)**

**DR. PUTEH MELOR WESMA  
BINTI SALEHEN**

PLV GRED DV52


- Unit Peningkatan Kompetensi & Kawalan Kualiti
- Unit Pengurusan Latihan
- Unit Peningkatan Pengajaran dan Penyeliaan
- Unit Latihan & Konsultasi SLDN
- Unit Program Khas
- Unit Latihan Sangkutan Industri

**KETUA PROGRAM  
PEMBELAJARAN  
ELEKTRONIK DAN  
MULTIMEDIA (PEM)**

**ROSLINDA BINTI DAUD**

PLV GRED DV52

- Unit Infrastruktur 1 (Rangkaian)
- Unit Infrastruktur 2 (Sistem)
- Unit E-Training
- Unit Penyelenggaraan Komputer & Audio Visual



# PENGURUSAN TERTINGGI



**Dr. Mohamad Bin Sulaiman** K.M.N  
Pengarah  
PLV DV GRED UTAMA C



**Jamil Bin Yahya**  
Timbalan Pengarah  
Pengurusan Latihan (PL)  
PLV GRED DV54



**Mohammad Ghazali Bin Udin**  
Timbalan Pengarah  
Perancangan dan Pembangunan (PP)  
PLV GRED DV54



**Kosong**  
Ketua Program  
Pembangunan Pengajar  
Kemahiran (PPK)



**Dr. Puteh Melor Wesma  
Binti Salehen**  
Ketua Program  
Pembangunan Profesional  
Kemahiran (SPD)  
**PLV GRED DV52**



**Roslinda Binti Daud**  
Ketua Program  
Pembelajaran Elektronik dan  
Multimedia (PEM)  
**PLV GRED DV52**



**Azian Bin Hussin**  
Ketua Program  
Perancangan dan  
Pembangunan Latihan (PPL)  
**PLV GRED DV52**



**Hamdan Bin Hashim**  
Ketua Program  
Kelayakan  
dan Kekompetenan (KK)  
**PLV GRED DV52**



**Ahmad Zahiri  
Bin Abdul Kadir**  
Ketua Bahagian Khidmat  
Pengurusan (BKP)  
**PTD GRED M52**



**Muhammad Nooradzam  
Bin Adam**  
Ketua Bahagian Korporat (BKOR)  
**PLV GRED DV44**

# TERAJU CIAST

**Dr. Mohamad Bin Sulaiman, K.M.N**  
Pengarah CIAST



Beliau dilahirkan pada **13 Julai 1963** di **Kota Bharu**, Kelantan. Mendapat pendidikan **Sarjana Muda Kejuruteraan Awam B. Eng Civil (Hons) Universiti Teknologi Malaysia (UTM)** pada 1986 dan **Sarjana M.Sc Exl Education Universiti Pertanian Malaysia (UPM)** pada 2002. Pada tahun 2010, beliau dianugerahkan **Doktor Falsafah Pendidikan Teknik dan Vokasional** dari **Universiti Tun Hussien Onn Malaysia (UTHM)** dan **University of Bremen, Jerman**.

Pada 2 Disember 1991, beliau memulakan karier di dalam perkhidmatan awam sebagai Jurutera Awam J3 di Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK), Kementerian Sumber Manusia (KSM).

Beliau dinaikkan pangkat ke Jurutera Awam J2 pada 16 Disember 1999,

Pegawai Latihan Vokasional (PLV) Gred J52 pada 1 September 2005, PLV Gred J54 pada 23 April 2007 dan memangku JUSA C pada 5 Januari 2018 di CIAST sehingga kini.

Atas khidmat beliau yang cemerlang, beliau telah dianugerahkan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) pada tahun 1996 dan 2016 dan pingat "**Bintang Kesatria Mangku Negara**" (K.M.N) pada 9 Disember 2014.

**En. Jamil Bin Yahya**  
Timbalan Pengarah  
(Pengurusan Latihan)

Dilahirkan pada **10 Jun 1972** di Kampung Manjoi Ipoh, Perak. Beliau mempunyai kelayakan akademik **Bachelor Kejuruteraan (Elektronik/Komputer)**.

Dilantik sebagai Jurutera Elektronik Gred J3(J41) pada 15 Januari 1997. Memangku Gred J48 pada 1 Februari 2003 dan ditempatkan di IKBTN Bukit Mertajam, Pulau Pinang. Naik pangkat ke J52 pada 11 Februari 2008 di ILP Ipoh.

Seterusnya memangku DV54 di CIAST pada 1 Oktober 2019.

Dikurniakan **Darjah Ahli Mahkota Perak (A.M.P)** oleh DYMM Paduka Seri Sultan Perak Yang Ke-63.



## En. Mohammad Ghazali Bin Udin

Timbalan Pengarah  
(Perancangan dan Pembangunan)



Beliau dilahirkan pada **15 Februari 1964** di Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Mempunyai kelayakan akademik **Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal Serta Pendidikan**. Dilantik sebagai Pegawai Perkhidmatan Pelajaran (PPP) Kat. T1 pada 15 Julai 1986.

Tukar Skim kepada PPP Bukan Siswazah B08. Penempatan Di Sek. Men Vokasional Port Dickson sebagai PPP Bukan Siswazah DG6 selepas tamat cuti belajar pada Julai 1992. Dilantik PPP Siswazah DG 3 pada 1 Julai 1992.

Pelepasan jawatan dan lapor diri sebagai PLV J3 di IKBTN Sepang pada 17 Januari 1998. Naik pangkat ke J48 mulai 16 November 2001 di IKBN Pagoh, Johor. Bertukar ke Kementerian Belia dan Sukan pada 11 Februari 2008

kerana memangku J52. Berpindah ke IKTBN Sepang pada 16 September 2009 dan ke CIAST pada 30 Oktober 2015. Beliau menerima **Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2005, 2011 dan 2018**.



## **En. Hamdan Bin Hashim** **Ketua Program Kelayakan Kekompetenan (KK)**

Beliau dilahirkan pada **25 Julai 1971** di Negeri Kelantan. Mempunyai kelayakan **Sarjana Pengurusan Kejuruteraan**. Beliau dilantik sebagai Pegawai Latihan Vokasional Gred J3 di Pusat Latihan Kemahiran Teknologi Tinggi (ADTEC) Kedah, Jabatan Tenaga Rakyat pada 23 November 1999. Bertukar ke CIAST dengan Gred J44 pada 16 Jun 2004.

Ditempatkan sebagai PLV Gred J48 di Bahagian NOSS, Jabatan Pembangunan Kemahiran pada 18 Jun 2007. Seterusnya ditawarkan Cuti Belajar Bergaji Penuh dengan Hadiah Latihan Persekutuan bagi mengikuti **Kursus Sarjana Pengurusan Kejuruteraan di Universiti Putra Malaysia** selama 18 bulan mulai 7 Julai 2008 hingga 6 Januari 2010.

Setelah tamat pengajian, ditempatkan semula di CIAST. Mendapat kenaikan pangkat PLV Gred DV52 pada 15 Disember 2016 dan kekal di CIAST sehingga kini.

Beliau telah menerima **Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dan Pingat Perkhidmatan Cemerlang (P.P.C)** pada tahun 2014.



## **Dr. Puteh Melor Wesma Binti Salehen** **Ketua Program Pembangunan Profesional Kemahiran (SPD)**

Beliau dilahirkan pada **1 Ogos 1972** di Negeri Selangor. Mempunyai kelayakan akademik **Sarjana Pengurusan Kejuruteraan dan Doktor Falsafah (Tenaga Keterbaharuan)**. Mula dilantik sebagai Pegawai Latihan Vokasional Gred J3 di Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan, Kementerian Sumber Manusia pada 2 April 2000.

Mendapat kenaikan Gred J44 pada 16 Jun 2004. Seterusnya mengikuti Kursus Sarjana Pengurusan Kejuruteraan di Universiti Putra Malaysia selama 18 bulan mulai 10 Julai 2006 hingga 9 Januari 2008.

Bertugas di Jabatan Pembangunan Kemahiran Putrajaya setelah tamat pengajian.

Ditawarkan ke Gred J48 pada 25 Februari 2008 dan kekal di JPK Putrajaya. Mengikuti **Pengajian Doktor Falsafah (Tenaga Keterbaharuan) di Universiti Kebangsaan Malaysia** selama 42 bulan mulai 27 Ogos 2015 hingga 26 Februari 2019.

Setelah tamat pengajian, ditawarkan ke Gred DV52 dan ditempatkan di JPK Putrajaya pada 3 September 2019. Berpindah ke CIAST pada 7 Oktober 2019.

Beliau telah menerima **Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)** pada tahun 2002.



**En. Azian Bin Hussain**  
Ketua Program Perancangan dan  
Pembangunan Latihan (PPL)

Beliau lahir pada **23 September 1972** di Padang Lalang, Seberang Perai. Mempunyai kelayakan akademik **Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrikal dan Elektronik**. Dilantik sebagai PLV Gred J3(J41) pada 2 April 2000. Berpindah ke ILP Jitra pada 16 Jun 2004 dengan gred J44. Seterusnya ke ILP Pasir Gudang dengan gred J48 pada 25 Februari 2008.

Cuti Bergaji Penuh mulai 6 Julai 2009 hingga 8 Mei 2011. Penempatan di IKBN Kuala Langat pada 9 Mei 2011. Bertukar ke CIAST dengan memangku DV52 mulai 25 Jun 2018. Beliau menerima **Anugerah Perkhidmatan Cemerlang** pada Tahun 2003, 2008, 2017.



**Pn. Roslinda Binti Daud**  
Ketua Program Pembelajaran  
Elektronik dan Multimedia (PEM)

Beliau lahir pada **21 Ogos 1964** di Melaka. Mempunyai kelayakan akademik **Sarjana Muda Kejuruteraan dengan Kepujian (Elektrik)**. Dilantik sebagai PLV Gred J3(J41) pada 16 November 2000 di ADTEC Selangor. Bertukar ke ILP Kuala Lumpur pada 16 Jun 2004. Naik pangkat ke Gred J44 pada 16 Oktober 2005. Seterusnya berpindah ke JPK Putrajaya dengan Gred J48 pada 18 Jun 2007. Kemudian berpindah ke CIAST pada 1 Februari 2009. Pada 3 Mei 2017 naik pangkat ke Gred DV52.

Beliau menerima **Anugerah Perkhidmatan Cemerlang** pada Tahun 2003.



**En. Ahmad Zahiri Bin Abdul Kadir**  
Ketua Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)

Beliau lahir pada **7 Januari 1976** di Kelantan. Kelayakan akademik **Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Korporat**. Dilantik sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik M41 pada 29 Ogos 2005 di Kementerian Wilayah Persekutuan. Naik pangkat ke PTD M44 pada 29 Ogos 2009.

Seterusnya Gred M48 pada 24 Februari 2011. Berpindah ke Jabatan Kesihatan Negeri Selangor pada 1 Mac 2015. Bertukar ke CIAST pada 4 September 2017. Memangku PTD Gred M52 pada 15 November 2018.

Menerima **Anugerah Perkhidmatan Cemerlang** pada Tahun 2009.



## JASAMU DIKENANG

Pada tahun 2019, sembilan orang pegawai CIAST telah bersara secara wajib atau pilihan sendiri.



**Tuan Haji Daud Bin Jonit** bersara wajib pada 26 Oktober 2019. Mula dilantik Jurutera (Elektronik) Gred J3 pada 3 Januari 1995 di Kementerian Tenaga Komunikasi dan Multimedia. Jawatan akhir ialah sebagai Timbalan Pengarah CIAST (Perancangan dan Pembangunan). Beliau lahir pada 26 Oktober 1959 di Batu Pahat, Johor.



**Tuan Haji Jamil Bin Yahya** bersara wajib pada 18 September 2019. Mula dilantik sebagai Pengetua (Jurutera Letrik/Mekanik) Gred J2 pada 17 Oktober 1987 di Jabatan Tenaga Rakyat Kuala Lumpur. Jawatan akhir ialah sebagai Timbalan Pengarah CIAST (Pengurusan Latihan). Beliau lahir pada 18 September 1959 di Klang, Selangor.



**Dr. Zulkifli Bin Mohd Sidi** bersara wajib pada 24 Ogos 2019. Dilantik sebagai Pengajar Ketukangan pada 11 November 1986 dan ditempatkan di Jabatan Tenaga Rakyat. Tugas akhir beliau ialah di Program Pembangunan Profesional Kemahiran (SPD) dengan gred DV48. Beliau lahir pada 24 Ogos 1963 di Perak.



**Encik Nor Azman Bin Mohd** bersara pilihan pada 21 April 2019. Mula bertugas pada 1986 di ILP Perai. Tugas akhir beliau ialah di Program Pembangunan Profesional Kemahiran (SPD) dengan gred DV38. Beliau lahir pada 21 April 1964 di Sungai Rengit, Johor.



**Puan Siti Fatimah Binti Zakaria** bersara wajib pada 1 Jun 2019. Mula dilantik sebagai Juruteknik Sementara pada 22 Mac 1985 di CIAST. Tugas akhir beliau ialah di Program Perancangan dan Pembangunan Latihan (PPL) dengan gred DV36. Beliau lahir pada 1 Jun 1964 di Kuala Lumpur.



**Puan Hajah Nor Ain Binti Ahmad** bersara pilihan pada 1 Februari 2019. Dilantik sebagai Koordinator Latihan Tingkatan Biasa pada 27 Disember 1983 dan ditempatkan di Lembaga Latihan Perindustrian dan Persijilan Ketukangan Kebangsaan Kementerian Buruh. Tugas akhir beliau ialah di Program Pembangunan Profesional Kemahiran (SPD) dengan gred DV44. Beliau lahir pada 28 September 1961 di Tapah, Perak.



**Tuan Haji Zaharlim Bin Zakaria** bersara wajib pada 22 September 2019. Mula dilantik sebagai Pengajar Ketukangan Gred J1 (Sementara) pada 2 Februari 1985 di tempatkan di Jabatan Tenaga Rakyat, Kementerian Sumber Manusia. Tugas akhir beliau ialah di Program Pembangunan Pengajar Kemahiran (PPK) dengan gred DV38. Beliau lahir di Kelantan.



**Encik Khairudin Azmi Bin Rajab** bersara wajib pada 22 April 2019. Dilantik sebagai Pengajar Ketukangan pada 21 Januari 1992 dan ditempatkan di Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan, Kuala Lumpur. Tugas akhir beliau ialah di Program Pembangunan Profesional Kemahiran (SPD) dengan gred DV38. Beliau lahir pada 22 April 1962 di Johor Bharu.



**Encik Nurul Arrifen Bin Omar** bersara pilihan pada 1 Mei 2019. Mula dilantik sebagai PLV Gred J41 pada 5 Mei 2004. Tugas akhir beliau ialah di Program Perancangan dan Pembangunan Latihan (PPL) dengan gred DV44. Beliau lahir pada 10 Januari 1977 di Muar, Johor.

# KEMBALI KE RAHMATULLAH

Dua orang pegawai CIAST telah dijemput Ilahi pada tahun 2019. Semoga roh mereka ditempatkan di kalangan orang-orang yang beriman.



**En. Sha'rani Bin Taib**

Meninggal dunia pada 1 Oktober 2019 jam 9.46 pagi.

Dilahirkan di Kepala Batas, Pulau Pinang. Berumur 56 tahun. Telah berkeluarga dan mempunyai 5 orang cahayamata (1 lelaki dan 4 perempuan).

Dilantik sebagai Pengajar Ketukangan Gred J1 di tempatkan di Jabatan Tenaga Rakyat pada 11 November 1986. Naik ke Gred J2 pada 1 Jun 1992. Cuti Belajar Tanpa Gaji Dengan Hadiah Latihan Persekutuan pada 29 September 1997 hingga 28 September 1999, mengikuti Kursus Mechanical Engineering di Coventry University, Priority St. Coventry, United Kingdom

Ditempatkan di JMTI, Pulau Pinang pada 4 Disember 2001 setelah naik ke Gred J3. Pada 28 Februari 2003 naik ke Gred J41 dan pada 1 Oktober 2007 ke Gred DV44.

Pada 16 November 2009, berpindah ke CIAST dengan kenaikan Gred DV48. Tugas akhir beliau ialah sebagai pengajar di Kampus Satelit CIAST-ILP Kepala Batas, Pulau Pinang setelah ditukarkan pada 16 Ogos 2017.

Pernah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada tahun 2003 dan 2012.

---



**En. Mazlan Bin Ebau Nui**

Meninggal dunia pada 8 September 2019.

Dilahirkan pada 10 Oktober 1969 di Kedah.

Mempunyai kelayakan akademik Ijazah Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik. Dilantik sebagai Pegawai Latihan Vokasional Gred J3 dan ditempatkan di Institut Latihan Perindustrian Kangar, Perlis pada 1 Disember 2000. Naik pangkat J44 pada 16 Jun 2004. Bertukar ke ILP Jitra pada 1 Julai 2008.

Pada 5 Januari 2015 berpindah ke CIAST dengan gred PLV J48. Bertugas di Program Pembangunan Profesional Kemahiran (SPD).

Pernah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada tahun 2005.

## KENAIKAN PANGKAT

Tahniah diucapkan kepada pegawai CIAST yang telah mendapat kenaikan pangkat sepanjang 2019. Semoga kenaikan pangkat ini menjadi pendorong untuk lebih berjaya pada masa akan datang.

Bil	Gred	Nama	Tarikh Kuatkuasa
1	DV54	Jamil bin Yahya	1.10.2019
2	DV54	Muhammad Ghazali bin Udin	4.11.2019
3	DV52	Puteh Melor Wesma binti Salehen	3.9.2019
4	DV52 (KUP)	Wan Ahmad Jailani bin Wan Ngah	6.12.2019
5	DV52 (KUP)	Roslin binti Mohd Basri	6.12.2019
6	DV52 (KUP)	Imalistryahusnanjaya bin Mat Hussin	2.12.2019
7	DV52 (KUP)	Marsita binti Abdul Kadir	2.12.2019
8	DV52 (KUP)	Azkar Albar bin Abu Bakar	2.12.2019
9	DV52 (KUP)	Baharil Ihzan bin Onn	2.12.2019
10	DV52 (KUP)	Zuraidy bin Shamsudin	6.12.2019
11	DV52 (KUP)	Ahmad Mashudi bin Alpiah	6.12.2019
12	DV52 (KUP)	Nazrim bin Tan	6.12.2019
13	DV52 (KUP)	Haniza binti Burhan	6.12.2019
14	DV52 (KUP)	Ahmad Jefri bin Sabri	6.12.2019
15	DV52 (KUP)	Hairul Nizzat bin Bahrin	6.12.2019
16	DV52 (KUP)	Sharida binti Mohd Sharif	6.12.2019
17	DV52 (KUP)	Azmi Rahman bin Mat Zuini	6.12.2019
18	DV52 (KUP)	Noordin bin Abdullah	6.12.2019
19	DV52 (KUP)	Mohamad Asrofi bin Muslim	6.12.2019
20	DV52 (KUP)	Rosliza binti Abdul Hamid	9.12.2019
21	DV52 (KUP)	Norhayati binti Yahaya	11.12.2019
22	DV52 (KUP)	Mohamad Riza bin Ismail	11.12.2019
23	DV52 (KUP)	Mohd Norazlan bin Mohamed Sidek	11.12.2019
24	DV52 (KUP)	Helmi bin Hj Haron	18.12.2019
25	DV52 (KUP)	Dr. Nurul Amin bin Badrul	20.12.2019
26	DV52 (KUP)	Mohd Sukri bin Musa	23.12.2019

Bil	Gred	Nama	Tarikh Kuatkuasa
27	DV48 (KUP)	Loh Hong Wai	2.5.2019
28	DV48 (KUP)	Shahlisa Cheah binti Shihabudin	2.5.2019
29	DV48 (KUP)	Mohd Noor bin Menhad	2.5.2019
30	DV48 (KUP)	Mohd Zukafli bin Mohamad	6.5.2019
31	DV48 (KUP)	Azhar bin Abidin	21.5.2019
32	DV48 (KUP)	Mohd Zahirulhasni bin Zaminazha	10.6.2019
33	DV48 (KUP)	Nur Azua binti Rahim	2.12.2019
34	DV48 (KUP)	Ganesan a/l V. Murugesu	2.12.2019
35	DV48 (KUP)	Halim bin Abdullah	2.12.2019
36	DV48 (KUP)	Sarizal bin Md Ani	6.12.2019
37	DV48 (KUP)	Mohd Zamri bin Abdul Hamid	6.12.2019
38	DV48 (KUP)	Rohani a/p Ngandi	9.12.2019
39	DV48 (KUP)	Mohd Faisal bin Yusof	16.12.2019
40	DV48 (KUP)	Razidah binti Sagap	16.12.2019
41	DV48 (KUP)	Syamsol Amer bin Zakaria	23.12.2019
42	DV48 (KUP)	Mohd Suhaini bin Abdul Majid	23.12.2019
43	DV48 (KUP)	Khairul Azwan bin Kharibon	23.12.2019
44	DV48 (KUP)	Suhana binti Naziran	23.12.2019
45	DV48 (KUP)	Mohd Hazimin bin Mohd Nawawi	23.12.2019
46	DV48 (KUP)	Muhammad Nooradzam bin Adam	23.12.2019
47	DV48 (KUP)	Bizaisham bin Bidin	23.12.2019
48	DV48 (KUP)	Fadzilah binti Hamzah	23.12.2019
49	DV48 (KUP)	Zaimah binti Mu	23.12.2019
50	DV48 (KUP)	Rabia binti Siamir	23.12.2019
51	DV48 (KUP)	Maznizam bin Mansor	23.12.2019
52	DV48 (KUP)	Jailani bin Abdullah	30.12.2019
53	DV48 (KUP)	Saidi Bin Zain	9.4.2019
54	DV48 (KUP)	Asbul Hadi bin Mat Yunus	9.4.2019
55	DV48 (KUP)	Azim bin Aziz	11.11.2019
56	DV48 (KUP)	Muhamad Ammar bin Kamilin	11.11.2019
57	DV48 (KUP)	Noor Rezawaty Binti Abd Rahman	20.12.2019

Bil	Gred	Nama	Tarikh Kuatkuasa
58	DV44	Safinatunnajah bt Ahmadi	20.2.2019
59	DV44	Azaudin bin Adzmin @ Azmin	25.2.2019
60	DV44	Mohd Ozahir bin Mat Palal	25.2.2019
61	DV44	Mohd Zaini bin Mat Wazir	25.2.2019
62	DV40(KUP)	Tukimin bin Solehan	30.12.2019
63	DV40(KUP)	Mansor bin Mohd Nor	5.12.2019
64	DV40(KUP)	Latifah binti Saad	5.12.2019
65	DV40(KUP)	Saluwa binti Masdar	5.12.2019
66	DV40(KUP)	Shahabudin bin Md Nor	5.12.2019
67	DV40(KUP)	Nor'azah binti Jema'en	5.12.2019
68	DV40(KUP)	Norisah binti Bunyaman	9.12.2019
69	DV40(KUP)	Mohamed Lotfi bin Arifin	12.12.2019
70	DV40(KUP)	Norliakazimi binti Noordin	12.12.2019
71	DV40(KUP)	Ahmad bin Abdullah	12.12.2019
72	DV38(KUP)	Rozita binti Rashid	16.12.2019
73	DV38(KUP)	Salim bin Amil	16.12.2019
74	DV38(KUP)	Zamzuraini binti Ani	19.12.2019
75	DV38(KUP)	Nazariah binti Halid	19.12.2019
76	DV38(KUP)	Zahrin bin Abd Latif	19.12.2019
77	DV38(KUP)	Izwandi bin Idris	19.12.2019
78	DV38(KUP)	Nor Azian binti Jamaludin	19.12.2019
79	DV38(KUP)	Rosilawati Binti Mohd Ghazin	23.12.2019
80	DV38(KUP)	Mazni binti Osman	26.12.2019
81	DV36(KUP)	Suzana Hani binti Tajuddin	26.12.2019
82	DV36	Mohd Nasirwan bin Mohamad Anas	2.12.2019

**TAHNAH KEPADA SEMUA PEGAWAI CIAST!**

# PERTUKARAN PEGAWAI

Berikut ialah pertukaran keluar dan masuk pegawai CIAST sepanjang tahun 2019:

## Pegawai berpindah keluar CIAST

Bil	Gred	Jawatan	Nama	Tempat Bertukar	Tarikh Keluar
1	DV44	Pegawai Latihan Vokasional	Nor Mohamad Bin Sulong	Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) Melaka	7.1.2019
2	DV44	Pegawai Latihan Vokasional	Ku Azmie bin Ku Husin	Jawatan Latihan, JPA	10.2.2019
3	DV29	Penolong Pegawai Latihan Vokasional	Nik Fadley Osman bin Nik Ahmad	ILP Kota Bharu	18.3.2019
4	DV48	Pegawai Latihan Vokasional	Aziman bin Othman	Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) Jerantut	25.3.2019
5	N19	Pembantu Tadbir (Perkeranian Operasi)	Rashidah binti Samsudin	Pejabat Tenaga Kerja, Kuala Selangor	9.4.2019
6	DV48	Pegawai Latihan Vokasional	Dr. Aziyati binti Yusof	Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia, Kementerian Belia & Sukan	9.4.2019
7	DV48	Pegawai Latihan Vokasional	Salbiah binti Hussein	Bahagin National Occupational Skills Standard (NOSS), Cyberjaya	3.9.2019
8	DV52	Pegawai Latihan Vokasional	Ismail bin Sukeeman	Timbalan Pengarah ADTEC Batu Pahat, Johor	7.10.2019
9	N29	Penolong Pegawai Tadbir	Zahrah bt Mohamad Yusof	Kementerian Belia & Sukan Kem Wawasan Negara, Meru	29.10.2019
10	DV48	Pegawai Latihan Vokasional	Eza binti Monzaid	Institut Latihan Perindustrian Pasir Gudang, Johor	09.12.2019
11	DV48	Pegawai Latihan Vokasional	Rozaida binti Zainon	Jawatan Latihan, JPA	2.9.2019

## Pegawai melapor ke CIAST

Bil	Gred	Jawatan	Nama	Dari	Tarikh Masuk
1	N19	Pembantu Tadbir (Perkeranian Operasi)	Diwiyulyana binti Safai	Jabatan Perkhidmatan Awam	9.4.2019
2	DV48	Pegawai Latihan Vokasional	Asbul Hadi bin Mat Yunus	Institut Latihan Perindustrian Selandar	9.4.2019
3	N29	Penolong Pegawai Tadbir	Norliana binti Mohd Zappah	Jabatan Kebajikan Masyarakat	30.4.2019
4	DV48	Pegawai Latihan Vokasional	Fardila binti Azman Lingam	ADTEC Jerantut	20.5.2019
5	B19	Pereka	Nur'Shamier Hidzad bin Kamaruzzaman	Lantikan Baharu	17.6.2019
6	DV52	Pegawai Latihan Vokasional	Puteh Melor Wesma binti Salehan	Bahagian Penguatkuasaan & Kawal Selia, JPK	3.9.2019
7	DV54	Pegawai Latihan Vokasional	Jamil bin Yahya	Institut Latihan Perindustrian Ipoh	1.10.2019
8	DV48	Pegawai Latihan Vokasional	Muhamad Ammar bin Kamilin	Bahagian Perancangan, Penyelidikan dan Pembangunan, Jabatan Pembangunan Kemahiran	11.11.2019
9	DV48	Pegawai Latihan Vokasional	Azim bin Aziz	ADTEC Kulim	11.11.2019
10	N19	Pembantu Tadbir (Perkeranian Operasi)	Mas Ayu binti Mohammed Maslan	Kementerian Air, Tanah & Sumber Asli	19.11.2019
11	DV36	Penolong Pegawai Latihan Vokasional	Mohd Nasirwan bin Mohamad Anas	Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara Pagoh, Perak	2.12.2019
12	DV36	Penolong Pegawai Latihan Vokasional	Haniza binti Lukmanal Hakim	Jabatan Tenaga Manusia	9.12.2019
13	DV38	Penolong Pegawai Latihan Vokasional	Izwandi bin Idris	Kementerian Belia dan Sukan	19.12.2019



## SEKILAS PERISTIWA

### Sambutan Ulang Tahun CIAST

Pada **30 Ogos 2019**, CIAST telah menyambut hari kelahirannya yang ke 34. Satu majlis ringkas telah diadakan untuk meraikan ulang tahun CIAST.



## SELAMAT ULANG TAHUN KELAHIRAN YANG KE-34, CIAST!



# KUNJUNGAN HORMAT MENTERI SUMBER MANUSIA

Pada 6 Ogos 2019, CIAST telah menerima kunjungan hormat daripada Yang Amat Berhormat Menteri Sumber Manusia, Tuan M. Kulasegaran. CIAST mengucapkan jutaan terima kasih atas kunjungan beliau.





# LATIHAN

## KELUARAN CIAST

CIAST telah melaksanakan pelbagai program latihan sepanjang tahun 2019. Program yang dilaksanakan ada yang berbentuk **jangka panjang iaitu kursus-kursus melahirkan tenaga pengajar kemahiran** bagi lepasan pusat bertauliah swasta dan awam yang telah **memiliki sekurang-kurangnya SKM tahap 3** dalam bidang-bidang kemahiran dan berminat menjadi tenaga pengajar.

CIAST juga menjalankan **kursus-kursus pendek seperti latihan peningkatan kemahiran kepada para pengajar di institusi latihan TVET dan orang perseorangan** yang berminat dalam bidang TVET seperti penghasilan dokumentasi latihan dan pelbagai lagi bentuk latihan yang berkaitan TVET.

Perkara	Bilangan Kursus	Bilangan Peserta
Kursus Pra-Perkhidmatan	15	1,423
Kursus Pendek	560	15,113
<b>JUMLAH KELUARAN CIAST</b>	<b>575</b>	<b>16,536</b>

Jadual 1: Keluaran CIAST 2019

## PELAKSANAAN LATIHAN KEMAHIRAN JANGKA PANJANG (PRA-PERKHIDMATAN)

Latihan Kemahiran Jangka Panjang di CIAST adalah terdiri daripada kursus Sijil Pengajar Vokasional (Vocational Training Operation – VTO, Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dengan Sijil Pengajar Vokasional (SKMT3+VTO), Diploma Kemahiran Malaysia dengan VTO dan Diploma Lanjutan Pengajar Vokasional (DLPV).

Statistik Pengambilan, Enrolmen dan Keluaran Pelajar Latihan Kemahiran Jangka Panjang (Pra Perkhidmatan) Tahun 2019 adalah seperti jadual di bawah.

NAMA PROGRAM	Pengambilan		Enrolmen		Keluaran	
	Bil Kursus	Bil Peserta	Bil Kursus	Bil Peserta	Bil Kursus	Bil Peserta
Sijil VTO Kampus CIAST Shah Alam	3	266	10	171	5	447
SKM Tahap 3 + VTO	0	0	2	10	0	0
DKM + VTO	4	21	4	21	0	0
DLPV	0	0	9	35	6	24
Sijil VTO Kampus Satelit CIAST	3	668	8	426	4	952
<b>Jumlah</b>	<b>10</b>	<b>955</b>	<b>33</b>	<b>663</b>	<b>15</b>	<b>1,423</b>

Jadual 2: Keluaran Kursus Pra-Perkhidmatan CIAST 2019

# KURSUS PENDEK/DALAM PERKHIDMATAN

Pada tahun 2019, CIAST telah berjaya menjalankan 560 kursus dengan jumlah peserta 15,113 orang. Pecahan kursus yang dijalankan adalah seperti carta pai di bawah.



**Carta 1:** Pecahan kursus pendek yang dijalankan sepanjang tahun 2019

# PROGRAM PEMBANGUNAN KEPAKARAN DAN LATIHAN SEMULA (*RESKILLING*) TENAGA PENGAJAR

Program ini bertujuan untuk **meningkatkan kemahiran dan pengetahuan kepada tenaga pengajar TVET** mengikut keperluan bidang kemahiran masing-masing. **Jabatan Pembangunan Kemahiran melalui CIAST telah dilantik sebagai urusetia program** dibawah RMK-11 bagi menyelaras dan memantau pelaksanaan dan perbelanjaan bagi program tersebut.

Modul latihan dan kursus **dibangunkan melalui Sistem TiPS** dimana data kekompetenan pengajar dianalisa bagi memastikan **pelaksanaan kursus memenuhi keperluan pengajar**. Kursus-kursus peningkatan kemahiran yang dijalankan perlu **merujuk kepada Analisa Keperluan Latihan (*ability checklist*)** yang telah **dibangunkan oleh panel-panel yang mahir** mengikut bidang-bidang kemahiran masing-masing.

Bagi tahun 2019 **peruntukan sebanyak RM 20 juta telah diterima** dibawah RMK-11 dimana peruntukan tersebut telah **diagihkan kepada 14 agensi pelaksana** latihan TVET melibatkan agensi kerajaan dan swasta.

Bagi pelaksanaan **kursus *reskilling* di CIAST**, ia merangkumi pelaksanaan kursus-kursus kemahiran di program-program seperti di Program Pembangunan Pengajar Kemahiran (PPK), Program Pembelajaran Elektronik dan Multimedia (PEM) dan Program Pembangunan Profesional Kemahiran (SPD).

Bil	Agensi	Bilangan Kursus	Bilangan Peserta
1	Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) - CIAST ( <i>reskilling</i> )	62	589
2	Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) - CIAST (SLDN)	182	6,377
3	Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti (JPPKK)	142	3,118
4	Jabatan Tenaga Manusia (JTM)	110	1,175
5	Majlis Amanah Rakyat (MARA) - IKM & KKTM	34	261
6	GiatMARA	46	476
7	Bahagian Latihan Kemahiran Pertanian (BLKP)	20	261
8	Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)	15	210
9	German Malaysian Institute (GMI)	39	234
10	Universiti Kuala Lumpur (UniKL)	74	703
11	Kementerian Belia dan Sukan (KBS) - IKBN/IKTBN	105	940
12	Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (BPTV)	23	466
13	Jabatan Penjara Malaysia	17	181
14	Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)	4	53
15	Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK)	13	283
<b>JUMLAH</b>		<b>886</b>	<b>16,059</b>

**Jadual 3:** Agensi pelaksana kursus *reskilling* 2019

# PEMBANGUNAN FASILITATOR

Pada tahun 2019, **Unit Pembangunan Fasilitator (UPF)** telah melaksanakan Latihan kepada peserta Awam dan Swasta yang terdiri dari pelbagai agensi yang telah berdaftar sebagai Pusat Bertauliah (PB) Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dan pakar-pakar industri yang terlibat dalam Pembangunan *National Occupational Skill Standard (NOSS)*.

Latihan yang terlibat adalah meliputi **Kursus Pembangunan NOSS, Written Intructional Material (WIM), Soalan, Latihan Sangkutan Fasilitator dan kursus Kemahiran Fasilitator.**

Bil	Perkara	NOSS	WIM	Soalan	Kemahiran Fasilitator
1	Kursus Pembangunan	41	370	216	44
2	Pentauliahan Fasilitator	6	22	11	-


**Jadual 4:** Pencapaian Perlaksanaan Kursus Pembangunan NOSS/WIM/Soalan Dan Kemahiran Fasilitator Serta Pentauliahan Fasilitator



# PROGRAM LATIHAN SANGKUTAN INDUSTRI (LSI)

Program **Latihan Sangkutan Industri (LSI)** merupakan latihan bagi mengatasi **kekurangan pengalaman industri di kalangan pengajar TVET** yang mana memberi kesan terhadap kualiti graduan.

Melalui program LSI, pengajar diberi **pendedahan kepada budaya kerja pelbagai sektor di industri**. Program ini bukan hanya menekankan kepada teori tetapi dapat **meningkatkan kemahiran pengajar sejajar dengan perkembangan teknologi terkini di sektor industri**. Pengajar dapat meningkatkan kualiti pengajaran dengan menghubungkan teori pembelajaran dengan situasi sebenar di industri.



**Carta 2:** Penyertaan Latihan Sangkutan Industri (LSI) 2019 mengikut Agensi



Pensyarah Kolej Komuniti Baling menjalani Program LSI di Teratak Seni Kraftangan Kedah

# PROGRAM PERKONGSIAN KEPAKARAN INDUSTRI (PKI)

Program Perkongsian Keahlian Industri (PKI) ini merupakan program **jejaring perhubungan antara pengajar TVET dengan pihak industri**. Melalui program ini, ia dapat membuka ruang yang luas bagi pengajar TVET untuk **mengikuti perkembangan teknologi terkini di industri** dalam bidang masing-masing.

Program ini dikendalikan oleh **penceramah di kalangan pekerja industri** dalam bentuk kursus, seminar, bengkel, persidangan, ceramah, taklimat, perkongsian ilmu atau simposium.

Industri Terlibat (Penceramah)	Peserta dari Agensi Terlibat	Bidang Perkongsian	Bilangan Siri Perkongsian	Bilangan Peserta (Pengajar Institut)
Rest Sejahtera Center	Jabatan Tenaga Manusia (JTM) Majlis Amanah Rakyat (MARA) Kementerian Belia & Sukan (KBS) Jabatan Pendidikan Politeknik Dan Kolej Komuniti, Kementerian Pendidikan Malaysia Pusat Latihan Pengajar & Kemahiran Lanjutan (CIAST) / Jabatan Pembangunan Kemahiran	Landscape Horticulture	31	533
Infra Minda Sdn. Bhd.				
ROW Mobile Sdn. Bhd.				
Hashim Design & Associate				
Ascession Technology Sdn. Bhd.				
MyInvent Technologies Sdn. Bhd.				
Kelembai Studios Sdn. Bhd.				
D Lela Consultant				
Edusure				
SIRIM				
Eeelab Visual Sdn. Bhd.				
Raxbit Smart Solution				
UPM, UUM, UTem, UTHM, UPSI, UTM				
Plexus Eng Solution				
Le Meridien Hotel Kuala Lumpur				
JM Meister				
SIGNIFICANT TECHNOLOGIES Sdn. Bhd.				
TEKMARK Sdn. Bhd.				

**Jadual 5:** Program PKI yang dilaksanakan.

# SISTEM PROFIL KOMPETENSI PENGAJAR TVET – SISTEM TIPS

**TVET Instructor eProfiling System (TiPS)** atau dikenali sebagai **Sistem TiPS** adalah satu pangkalan data berpusat pengajar TVET Malaysia yang **merangkumi 17 agensi dari 9 kementerian**. Sistem ini mengumpulkan **26,356 pengajar TVET** dan mampu **menganalisa jurang kompetensi dan padanan latihan** dengan sistematik. Sistem ini juga dilengkapi dengan **548 kompetensi bidang kemahiran** untuk penilaian pengajar TVET.

Terdapat **tiga kategori kompetensi** yang perlu dinilai oleh pengajar iaitu **Pedagogi, Vokasional/Profesional dan Pengurusan**. Pada tahun 2019, seramai **20,239 pengajar** telah melaksanakan penilaian kompetensi melalui sistem TiPS.

Hasil analisa kompetensi pengajar yang diperolehi daripada sistem ini telah membolehkan agensi untuk **menganalpasti tahap kompetensi pengajar** dan seterusnya menyediakan pelan hala tuju latihan yang berkesan.

Pelbagai bentuk latihan yang ditawarkan melalui sistem ini seperti Latihan Berpusat/ Agensi, Latihan Sangkutan Industri (LSI), Perkongsian Kepekaran Industri (PKI), *Coaching & Mentoring* serta Latihan Kendiri.

Bil	Agensi	Pengajar Berdaftar	Pengajar Lengkap Penilaian	Bilangan Kursus	Bilangan Peserta	Pengajar Menjalani LSI
1	Agensi Anti Dadah Kebangsaan	309	303	13	283	0
2	Angkatan tentera Malaysia (ATM)	156	0	0	0	0
3	Bahagian Latihan Kemahiran Pertanian (BLKP)	473	249	20	261	0
4	Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (BPTV)	5,932	4,689	23	466	0
5	Centre of Technical Excellence Sarawak (CENTEXS)	22	0	0	0	0
6	German-Malaysian Institute	220	90	39	234	0
7	GIATMARA	1,521	1,213	46	476	0
8	Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)	100	54	4	53	0
9	Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)	473	309	62	589	9
10	Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK)	10,072	7,067	142	3,118	286
11	Jabatan Penjara Malaysia	563	501	17	181	0
12	Jabatan Tenaga Manusia	2,217	2,213	110	1,175	53
13	Kementerian Belia dan Sukan	1,063	1,046	105	940	101
14	Lembaga pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)	267	248	15	210	0
15	Majlis Amanah Rakyat (MARA)	1451	1,385	34	261	15
16	Maktab Teknik Polis DiRaja Malaysia (MTPDRM)	136	0	0	0	0
17	Universiti Kuala Lumpur	1,130	837	74	703	0


**Jadual 6:** Statistik Agensi yang berada dalam Sistem TiPS

# PENGURUSAN PERSONEL SISTEM PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA (SPKM)

## Personel Penilaian dan Verifikasi (PPV)

**Personel Penilaian dan Verifikasi (PPV)** adalah individu yang diperaku oleh Ketua Pengarah JPK untuk menjalankan penilaian dan verifikasi Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) serta mempunyai pengetahuan dan kemahiran dan berpengalaman luas dalam bidang yang diceburi. Personel ini juga berperanan dalam jaminan mutu pelaksanaan SPKM dan penugasan tertakluk kepada keperluan JPK. PPV adalah penjenamaan semula struktur personel SPKM dan secara tidak langsung telah membatalkan Direktori Pakar Industri Negara (DPIN). Panduan dan Syarat Permohonan Perakuan Personel Penilaian dan Verifikasi (PPV) Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) telah diluluskan pada 5 November 2018.

PPV terdiri daripada Pegawai Pengesah Luaran Sistem Latihan Program Bertauliah (PPL-SLaPB), Pegawai Pengesah Luaran Sistem Latihan Dual Nasional (PPL-SLDN), Pegawai Penilai Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PP-PPT) dan Pegawai Pengesah Luaran Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPL-PPT).



**Carta 3:** Struktur Personel Penilaian dan Verifikasi (PPV) bagi Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM).

Pada tahun 2019, semua urusan permohonan dan perakuan personel SPKM dijalankan melalui Sistem Kredit Kemahiran Malaysia (SKKM) yang boleh diakses melalui <http://www.skkm.gov.my>. Melalui SKKM semua permohonan personel hendaklah dibuat mengikut jenis perjawatan dan program.

Sebanyak **3,851 permohonan atau 59.32%** daripada 6,492 permohonan telah diluluskan Mesyuarat Perakuan Personel SPKM yang dijalankan secara bulanan bagi empat kategori perjawatan PPV. Jumlah permohonan mengikut kategori perjawatan boleh dilihat pada jadual 7.

	PPL-SLaPB	PP-PPT	PPL-PPT	PPL-SLDN
<b>Sasaran</b>	500	500	200	240
<b>Mohon</b>	2,377	1,993	1,252	870
<b>Lulus</b>	1,673	1,212	498	468
<b>Gagal</b>	704	781	754	402

**Jadual 7:** Jumlah permohonan melalui SKKM mengikut kategori perjawatan

Sehingga 18 Disember 2019, terdapat 2,266 orang PPL-SLaPB, 1,295 orang PP-PPT, 556 orang PPL-PPT dan 884 orang PPL-SLDN yang aktif direkodkan di dalam SKKM.

## Perakuan Pengiktirafan Kelayakan Sebagai Personel Pentauliah (PPKSPP)

**PPKSPP** merupakan perakuan yang diberi kepada personel Pusat Bertauliah (PB) Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) yang bertanggungjawab dalam pengurusan latihan kemahiran, membimbing, menyelia dan menilai pelatih / perantis di PB termasuk juga di Pusat Bertauliah Sistem Latihan Dual Nasional (PB SLDN).

Personel pentauliah PB yang diperaku adalah bagi jawatan berikut :

- i. Pengurus Pusat Bertauliah (PPB);
- ii. Pegawai Pengesah Dalaman (PPD);
- iii. Pegawai Penilai (PP);
- iv. Pengurus Pusat Bertauliah Sistem Latihan Dual Nasional (PPB-SLDN);
- v. Coach (COACH); dan
- vi. Pengajar Sistem Latihan Dual Nasional (P-SLDN).

Sehingga Disember 2019, **sejumlah 36,468 permohonan** bagi jawatan-jawatan tersebut telah diproses.

	PPB	PPD	PP	PPB SLDN	COASCH	P-SLDN
<b>Sasaran</b>	400	2,500	4,000	100	220	350
<b>Mohon</b>	2,185	11,332	20,700	308	1,114	829
<b>Lantik</b>	667	6,043	10,549	72	444	309
<b>Tolak</b>	1,518	5,289	10,151	236	670	520

**Jadual 8:** Permohonan dan lantikan mengikut jawatan

Daripada jumlah permohonan tersebut, sebanyak 18,084 permohonan atau 49.59% telah dilantik merangkumi kesemua jawatan melalui Mesyuarat Perakuan Personel SPKM yang dijalankan secara bulanan.

## PEMBANGUNAN DAN PEMANTAPAN SISTEM LATIHAN DUAL NASIONAL (SLDN)

Pada tahun 2019, CIAST telah melaksanakan kursus-kursus bagi pendedahan kefahaman dan pemantapan kepada Coach dan Trainer dari industri dalam pelaksanaan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) di industri masing-masing.

Tajuk Kursus	Bilangan Kursus	Bilangan Peserta
Trainer Training Programme	25	618
Coach Training Programme	32	874
Kursus Induksi SLDN	122	4797
Bengkel Pemurnian SLDN	3	88
<b>JUMLAH</b>	<b>182</b>	<b>6,377</b>

**Jadual 9:** Statistik kursus-kursus SLDN yang dilaksanakan

# PROGRAM LATIHAN ANTARABANGSA 2019

## Third Country Training Programme (TCTP) 2019

### Capacity Development For Technical Vocational Education and Training (TVET) For Cambodia, Lao PDR, Myanmar and Vietnam (CLMV)

Pelaksanaan program latihan ini adalah di bawah **Program Latihan Negara Ketiga (TCTP)** yang dianjurkan oleh **Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST)** dengan kerjasama **Kementerian Luar Negeri (MFA)** dan **Agensi Kerjasama Antarabangsa Jepun (JICA)**. Latihan bagi tahun 2019 telah dijalankan di CIAST dari **26 Ogos 2019 sehingga 5 Oktober 2019**. Program ini telah dihadiri oleh seramai **empat orang peserta dari Laos, Myanmar dan Vietnam**.

Program ini telah **dijalankan selama enam minggu (41 hari)** termasuk hujung minggu dan cuti umum untuk **2 kursus** iaitu **New Generation Automobile Maintenance and Services** yang di laksanakan di bengkel Automotif bermula dari 26 Ogos hingga 22 September 2019 dan disambung dengan kursus **Programme Design for TVET Implementation** bermula dari 25 September hingga 4 Oktober 2019.



## Malaysian Technical Cooperation Programme (MTCP) 2019



CIASST telah diberi kepercayaan oleh **Malaysian Technical Cooperation Programme (MTCP)** untuk menjalankan **empat kursus** di bawah MTCP iaitu **Application and Development of PLC System, Industrial Electrical Wiring & AC Motor Control Technology, Industrial Automation in TVET Training (Intermediate)** dan **Enhancement Train the Trainer Programme Towards IR4.0**. Kursus tersebut bermula dari **3 September 2019** hingga **20 September 2019** melibatkan **47 peserta yang terdiri dari 26 negara** seperti Albania, Algeria, Bangladesh, Bhutan, Cambodia, Colombia, Gambia, Ghana, India, Iran, Kyrgyzstan, Lao PDR, Malawi, Mauritius, Maldives, Mesir, Nigeria, Palestine, Rwanda, Sri Lanka, South Sudan, Timor Leste, Tanzania, Tunisia, Ukraine dan Zimbabwe.

Program ini telah dijalankan **selama tiga minggu (18 hari)** termasuk hujung minggu dan cuti umum untuk kedua-dua kursus. Program untuk tahun ini dijalankan di Bengkel Mekatronik, Elektronik, Elektrikal dan Makmal komputer.



# PENCAPAIAN



# MAJLIS KONVOKESYEN 2019

Majlis Konvokesyen CIAST Tahun 2019 telah diadakan pada **14 September 2019 di Shah Alam Convention Centre (SACC)**, Seksyen 14, Shah Alam, Selangor. Majlis ini diadakan untuk meraikan graduan yang telah berjaya **menamatkan pengajian di CIAST pada tahun 2018**.

Seramai **956 orang pelajar telah berjaya menamatkan** pengajian dalam kursus-kursus yang ditawarkan iaitu Diploma Lanjutan Pengajar Vokasional (DLPV), Diploma Kemahiran Malaysia (DKM), Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dengan Sijil Pengajar Vokasional (SKM3+VTO) dan Sijil Pengajar Vokasional (VTO).

Ini merupakan julung-julung kalinya CIAST bekerjasama dengan pihak industri iaitu **Syarikat Perodua Manufacturing Sdn Bhd** dan **Pusat Bertauliah Era Gemilang** dalam menjayakan Majlis Konvokesyen CIAST.

Majlis telah dirasmikan oleh **YBhg. Datuk Muhd Khair Razman Bin Mohamed Annuar, Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) Kementerian Sumber Manusia (KSM)** untuk sidang pertama manakala sidang kedua pula disempurnakan oleh **YBhg. Dato' Amir bin Omar, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia (KSM)**.

**Anugerah Graduan Terbaik kursus DLPV** diberikan kepada Saudara Haqiqi Bin Mohammad Hanif dari **Kursus Teknologi Elektronik bagi sesi 1/2016** dan Saudara Muhammad Fakhru Shah Bin Husaini dari **Kursus Teknologi Komputer sesi 3/2016**. Anugerah Graduan Terbaik bagi **kursus SKM3+VTO** pula telah dianugerahkan kepada Saudara Lukman Nulhakim Bin Ramli dari **Kursus Teknologi Automotif sesi 3/2016**.

Bagi **kursus VTO** pula, **Anugerah Graduan Terbaik** diberikan kepada Saudara Muhammad Zharif Bin Izham bagi sesi 1/2018 CIAST, Saudari Siti Nor Siah Binti Sharif bagi sesi **1/2018 CSC**, Saudara Marwan Bin Abdullah bagi **sesi 2/2018 CIAST**, Saudari Nurul Umira Binti Hairudin bagi **sesi 2/2018 CSC**, Saudara Nazir Bin Ibrahim bagi **sesi 3/2018 CIAST** dan Saudari Nor Aisyah Binti Jalil bagi **sesi 3/2018 CSC**. Anugerah ini adalah penghargaan di atas **pencapaian mereka yang cemerlang dalam latihan dan aktiviti luar**.

Bil	Kursus	Bilangan Graduan
<b>Sidang Pagi</b>		
1	DLPV	21
2	VTO	507
3	SKM T3 + VTO	5
4	DKM - Perodua Manufacturing Sdn. Bhd.	14
<b>Sidang Petang</b>		
5	VTO	405
6	VTO - Pusat Bertauliah Era Gemilang	4

**Jadual 10:** Kehadiran graduan pada Majlis Kovokesyen CIAST 2019





# INOVASI DAN KREATIVITI

CIAST meneruskan kecemerlangannya dalam **penyertaan beberapa pertandingan dan pameran berkaitan inovasi dan kreativiti** dalam dan luar negara. Bagi tahun 2019, CIAST telah menghantar penyertaan berkaitan inovasi dengan **projek ARTS dan Sistem TiPS**. CIAST juga menyertai beberapa **pertandingan berkaitan dron**.

## Automatic Recovery Tripping Systems (ARTS)

ARTS berfungsi untuk **membantu pengguna mengembalikan bekalan kuasa** sekiranya berlaku gangguan bekalan elektrik yang disebabkan oleh gangguan kilat. ARTS merupakan produk untuk membantu mengatasi masalah berkenaan, yang mana sekiranya gangguan bekalan elektrik berlaku, **satu litar kawalan lain akan mengambil alih** untuk mengembalikan semula bekalan.

ARTS mampu untuk mengembalikan bekalan elektrik yang disebabkan tripping sebanyak 3 kali. Semasa bekalan elektrik terputus, **pengguna akan menerima mesej** dari pengawal mikro. Apabila litar bekalan disambungkan kembali, pengawal mikro akan menghantar mesej makluman tentang bekalan kuasa berjaya dikembalikan. Sekiranya bekalan elektrik terputus melebihi dari 3 kali, pengguna perlu melakukan reset semula bekalan kuasa secara manual.

## The 30<sup>th</sup> International Invention, Innovation & Technology Exhibition Malaysia (ITEX 2019)

Projek ARTS telah menyertai ITEX 2019 yang berlangsung di **Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC) pada 2-4 Mei 2019**. Projek ini telah bertanding di bawah kategori Equipment, Electronics, Machinery. Projek ini telah mendapat **anugerah Silver**.



Sesi Pembentangan kepada Hakim ITEX2019



Majlis Penyampaian Anugerah

## Automatic Recovery Tripping Systems (ARTS) 2.0

Projek ARTS 2.0 ini ditambah baik dari versi ARTS terdahulu, kerana sistem ini dibangunkan bersama-sama dengan **sistem dashboard bagi tujuan pemantauan** penggunaan elektrik **melalui laman sesawang**. Melalui sistem dashboard ini juga, pengguna dapat mengesan sekiranya bekalan elektrik tiada atau terputus.


## Innovation Development through Educational Activities 2019 (IDEA 19)

Projek ARTS 2.0 telah menyertai Pertandingan IDEA 19 yang diadakan di **IKBN Seri Iskandar pada 27-29 September 2019** Anjuran Kementerian Belia dan Sukan (KBS).

Projek ARTS 2.0 ini telah mendapat **anugerah Silver**.



Pelajar dan pengajar yang menyertai IDEA 2019



Pingat Silver

# PENCAPAIAN SISTEM TIPS - TVET INSTRUCTOR EPROFILING SYSTEM (TIPS)

Sistem TiPS dibangun keseluruhannya **melalui kepakaran dalaman** tenaga kerja CIAST merangkumi pangkalan data berpusat yang boleh diakses secara atas talian (online) pada masa sebenar (real time). Ia berupaya menjana laporan, statistik, carian dan pelbagai lagi fungsi berkenaan **analisa keperluan latihan pengajar TVET**.

Sistem TiPS telah didaftarkan **hakcipta terpelihara** dibawah **Perbadanan harta Intelek Malaysia (MyIPO)** pada 22 Oktober 2018 dan mendapat kelulusan tanda dagangan (trademark) untuk perkataan 'TiPS'

Dengan sistemnya yang unik ini, ia telah dibawa **menyertai beberapa pertandingan inovasi peringkat kebangsaan dan antarabangsa** dan mencapai pengiktirafan yang membanggakan. Antara kejayaan sepanjang tahun 2019 ialah seperti berikut.

Bil	Aktiviti	Pencapaian
1	National Innovation & Invention Competition Through Exhibition, 19 – 21 Mac 2019, Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS).	Pingat Emas
2	International Summit of Innovation & Design Exposition, 29 – 30 April 2019, Universiti Malaya.	Pingat Gangsa
3	Pertandingan International Invention, Innovation & Technology Exhibition (ITEX) 2019, 2 - 4 Mei 2019, Pusat Konvensyen Kuala Lumpur. (Environmental, Social & Governance Excellent Award)	Pingat Perak dan Anugerah Khas Trofi C.S Lee Award 2019
4	International Invention Innovation Competition In Canada (iCAN) Competition, 24 Ogos 2019, Toronto, Kanada.	Pingat Emas
5	Pertandingan World Invention and Technology Expo (WINTEX), 9 -12 Oktober 2019, Jakarta, Indonesia	Pingat Emas
6	Ekspo Penyelidikan, Pembangunan dan Inovasi Negeri Selangor 2019, 10-13 Oktober 2019.	Tempat Kelima

**Jadual 11:** Pencapaian TiPS sepanjang 2019



International Invention Innovation Competition In Canada (iCAN) Competition



Pertandingan World Invention and Technology Expo (WINTEX)  
Jakarta, Indonesia



Ekspo Penyelidikan, Pembangunan dan Inovasi Negeri  
Selangor 2019

# PASUKAN DRON CIAST

Pasukan Dron CIAST telah menyertai beberapa pertandingan sepanjang 2019 dan menyertai beberapa pameran.

Pertandingan yang disertai

Bil	Aktiviti	Pencapaian
1	International Innovation and Invention Competition Through Exhibition (iCompEx) 2019 Tajuk: Delivery Drone 19-21 Mac 2019 Politeknik Jitra, Kedah	Pingat Perak
2	International Summit of Innovation and Design Exposition (InSIDE) 2019 Tajuk : Autonomous Parcel Drone 29-30 April 2019 University Malaya	Pingat Platinum
3	Universiti Robot Competition Kingdom of Champion Urock 2019 21-22 September 2019 Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP)	Juara - Drone Race Obstacle  Juara - Drone Race Freestyle
4	National Drone Challenge 2019 28-29 September 2019 UiTM Shah Alam	Juara - Drone Race Cargo

**Jadual 12:** Pencapaian Team Dron CIAST 2019

Pameran yang disertai

Bil	Perkara	Tempat	Tarikh
1	Seminar Inovasi Perkhimatan Awam 2019	INTAN Bukit Kiara	Oktober
2	Karnival STEM SK Bukit Naga Ceramah Drone	SK Bukit Naga Shah Alam	November
3	Jom HEBOH	Shah Alam dan Melaka	April dan Oktober
4	Karnival Peduli Rakyat Selangor	IDCC, Sek 15 Shah Alam.	Disember

**Jadual 13:** Aktiviti pameran Team Dron CIAST 2019



International Innovation and Invention Competition Through Exhibition (iCompEx) 2019



International Summit of Innovation and Design Exposition (InSIDE) 2019



National Drone Challenge 2019



Universiti Robot Competition Kingdom of Champion Urock 2019



Kursus Dron untuk anak-anak kakitangan CIAST



Karnival STEM SK Bukit Naga

# SEMINAR-SEMINAR ANJURAN CIAST

Pada tahun 2019, CIAST telah berjaya **menganjurkan 6 seminar dan menyertai 1 seminar anjuran pihak luar** dengan pelbagai topik yang berkaitan dengan TVET. Ia diadakan sama ada di dalam CIAST atau di luar dengan penglibatan pelbagai pihak dan agensi TVET.

## 1. Seminar Pengajar Latihan Kemahiran 2019

Seminar Pengajar Latihan Kemahiran 2019 yang bertemakan “**Memperkasakan Master Teacher Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Latihan Kemahiran**” anjuran Program Pembangunan Profesional Kemahiran (SPD), CIAST telah berlangsung di **Armada Hotel, Petaling Jaya pada 24 September 2019**. Seramai **202 orang** peserta telah menghadiri seminar ini yang terdiri daripada Pengajar TVET di Pusat Bertauliah JPK, Pengajar TVET di IPTA & IPTS serta Pengajar di Industri.

Seminar ini bertujuan memberi kesedaran serta meningkatkan kefahaman mengenai perubahan pemikiran dan pembelajaran TVET, selain memberi pendedahan informasi terkini berkenaan perubahan pendekatan pembelajaran dan pengajaran TEVT.

Ia juga bertujuan meningkatkan dan memperkukuhkan kefahaman personel yang dilantik sebagai Master Teacher dan menggalakkan perkongsian maklumat di antara Pusat-pusat Bertauliah yang terdiri daripada sektor awam, swasta, industri dan persatuan.

Sebanyak 4 kertas kerja telah dibentangkan iaitu:

1. **VTO dan Internship** disampaikan oleh Puan Ainin Nisak binti Ahmad Asnawi, Ketua Penyelaras Program SPD
2. **Peranan Master Teacher** disampaikan oleh YBrs. Dr. Zulkifli bin Mohd Sidi, Pengamal TVET
3. **Pengajaran dan Pembelajaran Masa Kini** disampaikan oleh YBrs. Prof. Madya Dr. Mohamed Nor Azhari bin Azman, Pensyarah UPSI
4. **Sistem Kredit Kemahiran Malaysia** disampaikan oleh Encik Azkar Albar bin Abu Bakar, Ketua Penyelaras Program PPK



## 2. Seminar Technology Update: Advance Multimedia 4.0

Seminar ini ialah **anjuran bersama Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Infra Minda Sdn. Bhd, CIAST dan Zaftrad Services Sdn. Bhd. Ia berlangsung pada 18 April 2019 di auditorium CIAST.**

Seramai **250 orang** telah hadir terdiri daripada pengajar-pengajar serta kakitangan jabatan-jabatan di bawah Kementerian Sumber Manusia (KSM) dan jabatan lain yang terlibat dalam kepenggunaan multimedia, teknologi maklumat, audio/video, fotografi, *presentation, event management* dan lain-lain berkaitan aplikasi teknologi multimedia di seluruh Malaysia.

Tujuan penganjuran seminar ini adalah untuk berkongsi dengan peserta seminar berkenaan **perkembangan teknologi multimedia** pada masa kini selari dengan perubahan semasa dan revolusi perindustrian 4.0 (IR 4.0).

Seminar ini juga memberi pendedahan berkaitan teknologi **Digital Multimedia 4.0** terutamanya kepada semua pengajar TVET yang terlibat dengan sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) dan juga individu-individu yang terlibat dalam industri *Digital Multimedia*.

Disamping itu, telah diadakan juga demonstrasi peralatan dan perisian teknologi digital multimedia terkini dalam industri digital multimedia yang melibatkan teknologi *LED Big Screen, Montage, Live Feed* dan Gimik.

Tajuk-tajuk dan penceramah adalah seperti berikut;

1. **Pengenalan tentang Digital Multimedia 4.0, Peralatan Multimedia, Software/ Kualiti 4K dan Format & Saiz Internet Video.**  
Penceramah: En. Sharif Zulkepele
2. **Multimedia dalam era IR4.0, Multimedia Cloud Computing, Trends in Multimedia hardware and software.**  
Penceramah: En. Muhamad Yusni Yunus
3. **Teknologi Video Digital, Teknologi Audio Digital dan Teknologi Foto Digital**  
Penceramah/Moderator: Dr. Ahmad Hisham & En. Sharif Zulkepele



### 3. Seminar TVET Malaysia 2019

Seminar TVET Malaysia 2019 telah diadakan pada **19 hingga 21 Oktober 2019 di auditorium CIAST** dan telah **dirasmikan oleh YB Timbalan Menteri Sumber Manusia Dato' Haji Mahfuz Omar**. Seminar ini merupakan salah satu program di dalam **Karnival TVET Malaysia Zon Tengah 2019** bagi memberikan informasi terkini kepada pengajar TVET, agensi swasta dan kerajaan, serta pengamal TVET di Malaysia. Seminar ini telah dihadiri seramai **634 orang peserta**.

Objektif utama penganjuran seminar TVET adalah untuk berkongsi pengetahuan terkini mengenai perkembangan Sistem Jaminan Kualiti Tunggal TVET, Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) dan mengenai teknologi dan inovasi pengajaran kepada warga pengajar TVET.

Antara penceramah yang terlibat untuk sesi pembentangan adalah sebagaimana berikut:-

Bil.	Tajuk	Penceramah
1.	Isu Dan Cabaran Pengajar TVET Di Malaysia	Pn. Khuzainey Ismail (UKM)
2.	Industry 4.0 Shaping The Future Of Digital Manufacturing	En. Jonas Jeyaraj Anthony (Panasonic)
3.	Cabaran Dron Penghantar Makanan di Malaysia	En. Hamdee Hamdan (AverageDrone)
4.	Innovative Approach in Learning Environment: Smart Classroom	En. Tee Boonchai (Galaxy Group)
5.	Kompetensi TVET secara 'online'	Pn. Sharida Shariff (CIAST)
6.	Aplikasi Multimedia dan Digital dalam Pengajaran TVET	Dr. Chau Kien Tsong (USM)
7.	Adapting design Thinking in TVET Training	Prof. Madya Dr. Balamuralithara Balakrishnan (UPSI)

**Jadual 14:** Tajuk ceramah seminar TVET Malaysia 2019



#### 4. Seminar dan Forum Peranan Teknologi dan Halatuju TVET dalam Revolusi Perindustrian 4.0

Seminar dan Forum Peranan Teknologi dan Halatuju TVET dalam Revolusi Perindustrian 4.0 telah berlangsung pada **18 Februari 2019 di University College of Technology Sarawak (UCTS), Sibul, Sarawak**. Seminar ini adalah penganjuran bersama antara CIAST dan UCTS. Melalui penganjuran bersama ini, peranan dan fungsi JPK dan CIAST dapat disebarluaskan terutamanya di kalangan warga Sibul khususnya dan di Sarawak secara umumnya.

Penganjuran seminar ini berjaya memberi pendedahan kepada para pengetua, guru, pengajar kemahiran dan juga kaunselor di semua kolej teknikal, politeknik dan kolej vokasional bagi negeri Sarawak tentang peluang kepada para lepasan TVET untuk menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi. Tenaga pengajar pusat bertauliah awam dan swasta juga mendapat pendedahan berkenaan peranan pengajar latihan kemahiran Malaysia dalam mencapai Revolusi Perindustrian 4.0.

Tajuk-tajuk dan penceramah seminar adalah seperti berikut:-

**Peranan Teknologi Dalam Mendepani IR 4.0** disampaikan oleh YB Datu Haji Len Talif Salleh, Menteri Muda Perancangan Bandar, Pentadbiran Tanah dan Alam Sekitar merangkap Pengerusi Tabung Ekonomi Gagasan Anak Bumiputera Sarawak (TEGAS)

**Halatuju TVET Seiring IR 4.0** disampaikan oleh Dr. Nurul Amin Bin Badrul, CIAST Shah Alam

Satu sesi forum bertajuk '**Peranan Teknologi Dan Halatuju TVET Dalam Revolusi Perindustrian 4.0**' juga telah berlangsung dengan YBrs. Prof. Madya Dr. Mohd Zainal Munshid Harun, Dekan School of Business and Management, UCTS sebagai moderator forum. Ahli panel yang telah menjayakan forum tersebut ialah YBhg. Ts. Nidzam Bin Kamarulzaman, Ketua Pengarah, Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), YBhg. Professor Datuk Dr. Khairuddin Ab. Hamid, Naib Canselor, UCTS dan YBrs. Encik Awangku Merali Pengiran Mohamed, Ketua Pegawai Operasi, Tabung Ekonomi Gagasan Anak Bumiputera Sarawak (TEGAS)



## 5. Seminar 9<sup>th</sup> National Conference in Education - Technical & Vocational Education and Training 2019 (CIE-TVET 2019)

Sebuah projek tahun akhir pelajar Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) CIAST dalam bidang Komputer telah terpilih untuk menyertai Persidangan CIE-TVET bertemakan '**TVET Education: Leveraging the Future**' yang dianjurkan bersama oleh Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) bersama Politeknik Banting pada 20 – 21 Ogos 2019.

Projek bertajuk '**Pembangunan Rostrum Multimedia Tersedia**' ini dihasilkan oleh **3 orang pelajar iaitu Saudara Aziz bin Ayub, Saudara Muhammad Syukri Samudi dan Saudari Liyana Anuar**. Projek ini diselia oleh Encik Muhammad Riyani bin Makhtar.

Kejayaan CIAST terpilih di dalam persidangan seumpama ini memberi impak positif kepada CIAST dimana ianya memberi gambaran kepada mutu latihan CIAST yang berkualiti dan dapat meningkatkan imej CIAST di kalangan agensi TVET.



## 6. Seminar Pengajar Kemahiran Kedah dan Perlis 2019 anjuran Kampus Satelit CIAST (CSC) Kolej Pertanian Malaysia (CSC KPM)

Program “**Seminar Pengajar Kemahiran Kedah & Perlis 2019**” dengan tema “Memartabatkan Kemahiran Pengajar TVET” anjuran Kampus Satelit CIAST Kolej Pertanian Malaysia (CSC KPM) telah diadakan pada **6 November 2019 bertempat di Dewan Grand Bunga Raya, Bustani Hotel, Jitra, Kedah**. Seminar ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan dan telah dihadiri seramai 110 orang peserta dari kalangan pengajar Pusat Bertauliah awam dan swasta negeri Kedah dan Perlis.

Objektif utama seminar ini adalah untuk menyebarkan informasi dan maklumat terkini daripada beberapa peneraju agensi kemahiran di Negara ini dalam usaha memartabatkan kemahiran pengajar TVET di Malaysia. Antara barisan penceramah seminar ialah Dr. Nurul Amin bin Badrul (CIAST), Encik Hairul Nizzat bin Bahrin (CIAST), Puan Meena a/p Ramalingam (JPK) dan Dr. Mohd Nurazzi Norizan (MBOT).

Penganjuran seminar ini berjaya mempromosikan Kampus Satelit CIAST Kolej Pertanian Malaysia serta menambah dan mengukuhkan lagi jaringan komunikasi dengan Pusat Bertauliah di Kedah dan Perlis.



## 7. Seminar Pengajar Alaf baru 2.0 di ADTEC Melaka anjuran Kampus Satelit CIAST (CSC) ADTEC MELAKA

Seminar Pengajar Alaf Baru 2.0 telah diadakan pada **8 April 2019 bertempat di Dewan Kuliah Utama, ADTEC Melaka** anjuran Kampus Satelit CIAST (CSC) ADTEC Melaka dengan kerjasama ADTEC Melaka. Seminar Pengajar Alaf Baru 2.0 merupakan kesinambungan daripada Seminar Pengajar Alaf Baru dan *Internet Privacy* yang telah berlangsung pada 15 Ogos 2018 di lokasi yang sama. Seminar ini telah dihadiri seramai **150 orang peserta** dari kalangan pengajar di Institut Latihan Kemahiran Awam dan Swasta bagi Zon Selatan iaitu Melaka, Negeri Sembilan dan Johor.

Berikut adalah di antara barisan penceramah yang menjayakan seminar ini.

Bil.	Topik Penyampaian	Penceramah
1	National Occupational Skills Standard (NOSS)	En Abd Halim bin Hassan (JPK)
2	Pengajar dan Penilaian Kaedah Holistik	Dr. Zulkifli Bin Mohd Sidi (CIAST)
3	Metodologi Pendidikan Kemahiran	Dr. Ridzwan bin Che' Rus (UPSI)

**Jadual 15:** Tajuk ceramah Seminar Alaf Baru 2.0

Perkongsian daripada penceramah yang mempunyai kepakaran, pengetahuan dan pengalaman dalam topik berkaitan dapat memberikan impak positif kepada peserta dalam meningkatkan kualiti pendidikan kemahiran negara. Penganjuran seminar ini berjaya memberi pendedahan dan idea baharu kepada pengajar kemahiran terutamanya dalam teknik pengajaran dan pembelajaran bagi meningkatkan lagi kualiti latihan. Selain itu, seminar ini memberi lebih kefahaman terhadap penggunaan NOSS format baharu dalam sesi pengajaran dan pembelajaran.



# LAPORAN MS ISO 9001:2015

Berdasarkan kepada pernyataan pencapaian Objektif Kualiti, CIAST menawarkan kursus latihan pengajar, latihan penyelia, latihan kemahiran lanjutan untuk pengajar kemahiran, pekerja, coach industri dan pekerja mahir. Latihan yang dijalankan di CIAST dikendalikan oleh pengajar berpengalaman dalam pelbagai bidang kemahiran.

Proses perkhidmatan dalam ISO yang diamalkan oleh CIAST merujuk kepada Model Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) yang memberi gambaran proses-proses kerja yang berkaitan dengan aktiviti kualiti CIAST. Proses ini ditentukan melalui aktiviti perancangan kualiti yang dikaji secara berterusan bagi memastikan peningkatan di dalam SPK. Proses perkhidmatan CIAST mengandungi Proses Teras, Sokongan dan Penambahbaikan kualiti.

Prosedur ini didokumenkan bagi memastikan keperluan kualiti mengikut sebagaimana yang dirancang. SPK yang didokumenkan adalah komprehensif dan meliputi semua aspek aktiviti-aktiviti perkhidmatan CIAST dan memenuhi semua keperluan standard SPK MS ISO 9001: 2015.



# KARNIVAL TVET ZON TENGAH 2019@CIAST

Karnival TVET Zon Tengah telah diadakan di CIAST pada **19 hingga 21 Oktober 2019** bersempena dengan **Pertandingan Akhir WorldSkills Malaysia Belia (WSMB), Pertandingan Akhir WorldSkills Malaysia Pengajar (WSMP) dan Pertandingan Junior Skills Malaysia 2019** yang dijalankan serentak. Bagi melancarkan perjalanan karnival, beberapa jawatankuasa telah ditubuhkan melibatkan kakitangan CIAST. Jawatankuasa-jawatankuasa tersebut ialah:

- a. Jawatankuasa Perolehan dan Kewangan
- b. Jawatankuasa Tapak & Teknikal
- c. Jawatankuasa Siaraya & Promosi
- d. Jawatankuasa Kebersihan & Keceriaan
- e. Jawatankuasa Jamuan & Gerai Jualan
- f. Jawatankuasa Pengangkutan & Tugas-tugas Khas
- g. Jawatankuasa Keselamatan dan Lalulintas
- h. Jawatankuasa Jemputan & Sambutan
- i. Jawatankuasa Pameran dan Aktiviti
- j. Jawatankuasa Seminar & Pengurusan Majlis

Pelbagai aktiviti telah berlangsung untuk menarik lebih ramai pengunjung. Berikut adalah senarai aktiviti yang telah diadakan semasa karnival:

1. Senaman Aerobics
2. Ceramah kesihatan
3. Persembahan Busking
4. Persembahan Artis Tempatan
5. Permainan Tradisional seperti congkak, batu seremban dan lain-lain
6. Pertandingan kanak-kanak seperti pertandingan mewarna dan sand arts
7. Pertandingan Explore Race
8. Demonstrasi Kemahiran
9. Perkongsian maklumat daripada 18 pempamer
10. Pertandingan Beyblade
11. Acara Karaoke
12. Pertandingan e-sukan PS4 FIFA
13. Pertandingan e-sukan Counter Strike

Karnival TVET Zon Tengah@CIAST 2019 kali ini telah mencatat kehadiran **10,000 orang pengunjung**.





# PERTANDINGAN ABYLIMPICS & MAJLIS “ROAD TO MOSCOW”

Unit Skills Malaysia CIAST ditugaskan menyelaras **Pertandingan Kemahiran Abilympics dan majlis “Road To Moscow” pada 12 November 2019**. CIAST telah bekerjasama erat dengan Majlis Pemulihan Malaysia (MCR) sejak 2010 lagi, dimulai dengan penglibatan pembinaan soalan-soalan pertandingan bidang kemahiran berasaskan komputer dan di ikuti pertandingan Abilympic bagi empat bidang iaitu, **Data Processing, Creating Web Pages, Word Processing dan PC Assembly**.

Pertandingan Kemahiran Abilympics adalah satu pertandingan kemahiran vokasional peringkat antarabangsa **khusus bagi Orang Kurang Upaya (OKU)** yang dianjurkan bagi mengubah pandangan masyarakat mengenai potensi dan kebolehan mereka supaya masyarakat yakin dan seterusnya peluang pekerjaan serta kemahiran vokasional di kalangan OKU mula meningkat.



# 30<sup>TH</sup> MALAYSIA PANASONIC GROUP TECHNICAL SKILLS COMPETITION

Malaysia Panasonic Group Technical Skill Competition yang ke-30 telah diadakan pada **17 September - 25 September 2019**. CIAST sekali lagi telah dipilih sebagai antara lokasi tapak pertandingan. Sebanyak **8 bidang kemahiran** telah dipertandingkan dan disertai oleh **kakitangan Panasonic seluruh Malaysia**. Upacara Perasmian Pertandingan ini telah diadakan di auditorium CIAST pada **21 September 2019**. Panasonic AVC Networks Kuala Lumpur Malaysia Sdn. Bhd. (PAVCKM) bertindak sebagai hos bagi pertandingan kali ini.

Syarikat-syarikat Panasonic yang bertanding ialah:

- Panasonic AVC Networks Kuala Lumpur Malaysia Sdn Bhd.
- Panasonic Manufacturing Malaysia Berhad.
- Panasonic Industrial Devices Malaysia Sdn Bhd
- Panasonic Appliances Air-Conditioning Malaysia Sdn Bhd. dan Panasonic Appliances R&D Air-Conditioning Malaysia Sdn Bhd.
- Panasonic AVC Networks Johor Malaysia Sdn Bhd.
- Panasonic Appliances Refrigeration Devices Malaysia Sdn Bhd.
- Panasonic System Networks Malaysia Sdn Bhd.
- Panasonic Management Malaysia Sdn Bhd.



30<sup>th</sup> Malaysia Panasonic Group  
TECHNICAL SKILLS COMPETITION

SOUVENIR PRESENTATION  
*Dr. Mohamad Bin Suliman*  
Director of CIAST



# KAJIAN KEBOLEHPASARAN GRADUAN CIAST

Bagi mengukur **tahap keberkesanan graduan keluaran CIAST**, Program Pembangunan Pengajar Kemahiran (PPK) telah membuat analisa terhadap maklumbalas graduan keluaran tahun 2018.

Kajian ini **terbatas kepada graduan CIAST yang telah menamatkan pengajian pada Jun 2018 dan Februari 2019** pada peringkat pengajian DLKM Tahap 5, Jun 2018 pada peringkat pengajian SKMT3+VTO dan Oktober 2018, Februari dan Jun 2019 pada peringkat pengajian Sijil Pengajar Vokasional (VTO). **Jumlah graduan untuk keseluruhan peringkat pengajian CIAST** adalah seperti Jadual 16.

Peringkat Pengajian	Bil	%
Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) Tahap 5	26	1.65
Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3	18	1.14
Sijil Pengajar Vokasional (VTO)	1,534	97.21
<b>JUMLAH</b>	<b>1,578</b>	<b>100</b>

**Jadual 16:** Peringkat Pengajian, CIAST 2019

**Majlis Konvokesyen pada tahun 2019 diadakan pada 14 September di Shah Alam Convention Centre (SACC) Shah Alam, Selangor.** Kaedah yang digunakan bagi mendapat maklumat adalah dengan menggunakan soal selidik **KAJIAN PENGESANAN GRADUAN TVET (SKPG-TVET) 2019 yang di sediakan oleh Unit Pengurusan Data, BPPD Kementerian Pendidikan Malaysia.** Hasil dari kajian yang dijalankan, **seramai 1,232 graduan (78.07%) dari 1,530 graduan** telah memberikan maklumbalas. Jadual 17 menunjukkan bilangan graduan yang memberi maklumbalas mengikut kursus yang ditawarkan.

Bulan Konvo	Graduan	Responden	Kadar Respons
9	1,578	1,232	78.07%
<b>JUMLAH</b>	<b>1,578</b>	<b>1,232</b>	<b>78.07%</b>

**Jadual 17:** Kadar Respons, CIAST 2019

## Tahap Kebolehkeraan Graduan CIAST

Daripada maklumbalas yang diterima, seramai **735 (60.0%)** graduan telah mendapat pekerjaan, **95 (7.7%)** graduan melanjutkan pengajian dan **402 (32.63%)** graduan belum bekerja. Pecahan tahap kebolehkeraan graduan CIAST boleh digambarkan seperti Jadual 18.

Status Pekerjaan	Bil	%
Bekerja	664	53.90
Melanjutkan Pengajian	88	7.14
Meningkatkan Kemahiran	7	0.57
Menunggu Penempatan Pekerjaan	71	5.76
Belum Bekerja	402	32.63
<b>JUMLAH</b>	<b>1,232</b>	<b>100</b>

Jadual 18: Status Pekerjaan, CIAST 2019

## Jawatan Yang Disandang Oleh Graduan

Sebanyak **9** klasifikasi jawatan telah ditentukan bagi menentukan jawatan yang disandang oleh graduan CIAST di pasaran kerjaya. Jadual 19 di bawah menunjukkan peratus responden bekerja mengikut jawatan.

Kumpulan Pekerjaan Utama	Bil	%
Pekerja Angkatan Tentera	6	1.22
Pengurus	7	1.42
Profesional	251	50.91
Juruteknik dan Profesional Bersekutu	74	15.01
Pekerja Sokongan Perkeranian	46	9.33
Pekerja Perkhidmatan dan Jualan	45	9.13
Pekerja Kemahiran dan Pekerja Pertukangan yang berkaitan	35	7.10
Operator Loji dan Mesin dan Pemasang	18	3.65
Pekerjaan Asas	11	2.23
<b>JUMLAH</b>	<b>493</b>	<b>100</b>

Jadual 19: Kumpulan Pekerjaan, CIAST 2019

Kumpulan pekerjaan graduan CIAST 2019 adalah **berdasarkan kepada Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia (MASCO)** iaitu penanda aras nasional bagi pengelasan pekerjaan dalam struktur guna tenaga negara. Hasil kajian yang dijalankan menunjukkan bahawa **majoriti graduan menjawat jawatan dalam Kumpulan Utama Profesional, Pengajar Kemahiran Teknologi Dan Teknikal iaitu sebanyak 50.91%** dan diikuti Kumpulan Utama Juruteknik dan Profesional Bersekutu sebanyak 15.01%

Taraf Pekerjaan	Bil	%
Bekerja sendiri	116	17.47
Majikan	7	1.05
Pekerja kerajaan	49	7.38
Pekerja swasta (termasuk NGO)	444	66.87
Freelance	13	1.96
Bekerja dengan keluarga (upah/gaji)	28	4.22
Bekerja dengan keluarga (tiada upah/gaji)	7	1.05
<b>JUMLAH</b>	<b>664</b>	<b>100</b>

**Jadual 20:** Taraf Pekerjaan, CIAST 2019

## Pendapatan Graduan

Majoriti graduan yang bekerja memperolehi pendapatan antara **RM 1,001.00 – RM1,500.00**. Ini mewakili 46.84% daripada responden yang bekerja. Terdapat juga responden bekerja yang memperolehi pendapatan melebihi RM 5,000.00 dan ini diwakili sebanyak 0.30%. Jadual 21 menunjukkan peratus pendapatan bagi responden bekerja. Peratusan pendapatan kedua tertinggi yang diperolehi oleh graduan CIAST adalah antara RM1,501.00 hingga RM 2,000.00 (21.08%). Daripada analisa ini juga, **terdapat graduan yang memperolehi pendapatan kurang dari RM 1,000.00 sebanyak 20.93%**.

Pendapatan Bulanan	Bil	%
RM1,001 - RM1,500	311	46.84
RM1,501 - RM2,000	140	21.08
RM2,001 - RM2,500	45	6.78
RM2,501 - RM3,000	16	2.41
RM3,001 - RM4,000	5	0.75
RM4,001 - RM5,000	6	0.90
RM5,001 - RM10,000	2	0.30
RM1000 dan ke bawah	139	20.93
<b>JUMLAH</b>	<b>664</b>	<b>100</b>

**Jadual 21:** Pendapatan Bulanan, CIAST 2019

## Sektor Pekerjaan Graduan

Kajian bagi **sektor pekerjaan graduan** adalah terbahagi kepada **7 kategori**. Maklumbalas yang didapati menunjukkan **sebanyak 51.93% graduan bekerja dalam sektor swasta tempatan** dan diikuti 26.37% graduan bekerja dalam sektor Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO). Taburan sektor pekerjaan graduan adalah seperti dalam Jadual 22.

Sektor Pekerjaan	Bil	%
Badan berkanun	7	1.42
Swasta multinasional	33	6.69
Swasta tempatan	256	51.93
Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC)	25	5.07
Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO)	130	26.37
Kerajaan Persekutuan	29	5.88
Kerajaan Negeri/Tempatan	13	2.64
<b>JUMLAH</b>	<b>493</b>	<b>100</b>

Jadual 22: Sektor Pekerjaan, CIAST 2019



# PENERBITAN JURNAL

Pada tahun 2019, beberapa orang pegawai CIAST dan JPK telah menghasilkan **jurnal-jurnal berkaitan TVET yang diterbitkan secara elektronik dan dimuat naik di laman web CIAST**. Ia dinamakan Jurnal SkillsMalaysia.

Layari **[www.ciaast.gov.my](http://www.ciaast.gov.my)**, pada menu **Orang Awam>Info Terkini> SkillsMalaysia Journal** atau pautan: **[www.ciaast.gov.my/journal](http://www.ciaast.gov.my/journal)**

Senarai Tajuk Jurnal SkillsMalaysia Tahun 2019: Vol. 1 No. 1 (2019):

1. **The Effect Of Blends Formulation On Properties Of The Recycled High Density Polyethylene (RHDPE) And Recycled Polypropylene (RPP) From Injection Molding Scrap.**  
Siti Zaleha Binti Wahid, Jeefferie Bin Abd Razak, Thinakaran a/I Narayanan.
2. **Design an Expansion Board for Arduino Uno Microcontroller Development Board with Multiple Input and Output.**  
Ganesan V. Murugesu
3. **Smart Internet Operating Software (SMART IOS).**  
Eza Monzaid<sup>1</sup>, Asbul Hadi Mat Yunus, Hanira Razali.
4. **Kaedah Pengukuran Holistik dalam Pembelajaran Pendidikan, Latihan Teknikal dan Vokasional (PLTV).**  
Zulkifli Mohd Sidi A.M.N (Ph.D).
5. **The Perceptions of Vocational Teachers from Malaysian Public Skills Training Institutions on Conducting Research.**  
Khuzainey Ismail, Zulkifli Mohd Nopiah, Mohammad Sattar Rasul, Pang Chau Leong.
6. **Mechanical Properties and Fracture Morphological Observation of Recycled Polypropylene (rPP) filled Dried Banana Leaves Fibre (DBLF) Composites: Effects of Sodium Hydroxide (NaOH) Surface Treatment.**  
T. Narayanan, J. Abd. Razak, Intan Sharhida Othman, Noraiham Mohamad, Mohd Muzafar Ismail, and Ramli Junid.



# JARINGAN WARGA, INDUSTRI DAN MASYARAKAT

# KELAB KAKITANGAN CIAST (KKC)

Kelab Kakitangan CIAST (KKC) ditubuhkan pada **29 September 2000** dan telah mendapat kelulusan pendaftaran di bawah **Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia pada 2 Ogos 2001**.

## Ahli Jawatankuasa 2019 / 2021:

<b>Pengerusi</b>	:	En. Maznizam Bin Mansor
<b>Naib Pengerusi</b>	:	En. Azhar Bin Abidin
<b>Setiausaha</b>	:	En. Ganesan a/l V.Murugesu
<b>Naib Setiausaha</b>	:	Pn. Ainin Nisak Binti Ahmad Asnawi
<b>Bendahari</b>	:	En. Mohd Norazlinshah Bin Mohd Salleh
<b>Penolong Bendahari</b>	:	Pn. Norhaslina Binti Abu Hassan

<b>Biro Eknomi</b>	:	En. Halim Bin Abdullah
<b>Biro Sosial &amp; Rekreasi</b>	:	En. Muhammad Shafiq Bin Abdullah
<b>Biro Sukan</b>	:	En. Mohd Shalahuddin Bin Mohamed Mokhtar
<b>Biro Kebajikan</b>	:	Pn. Nor Salisah Binti Mohd Nasir
<b>Biro Pembangunan Insan</b>	:	En. Ahmad Zaki Bin Ali Hussain
<b>Biro Penerangan</b>	:	En. Muhammad Nooradzam Bin Adam
<b>Juruaudit 1</b>	:	En. Hamdan Bin Hashim
<b>Juruaudit 2</b>	:	En. Asrin Husairi Bin Abdul Halim

Bilangan **ahli KKC yang aktif pada akhir 2019 ialah seramai 248 orang**.

Mesyuarat Tahun KKC 2019 telah diadakan di Auditorium CIAST pada **1 Mac 2019**, Seramai 134 orang ahli telah menghadiri mesyuarat ini.

Berikut ialah aktiviti KKC sepanjang tahun 2019:



Mesyuarat Agung di Auditorium CIAST pada 1 Mac 2019.



Program Secebis Kasih Sejuta Harapan anjuran pelajar VTO Januari 2019 di Rumah anak-anak Yatim dan Asnaf Assolihin Kanchong Darat, Kuala Langat pada 13 Mac 2019. Kelab memberikan sumbangan.



Kursus Asas Elektronik Arduino anjuran KKC untuk pengisian cuti sekolah anak-anak ahli bertempat di Makmal Komputer Rangkaian, Blok H pada 26-27 Mac 2019.



Ceramah Sempena Peristiwa Isra' dan Mikraj di auditorium CIAST anjuran KKC dan JK Surau CIAST disampaikan oleh Ustaz Mohamad Amiro Safwan bin Mohd Kamil, editor Kanan Kumpulan Karangkrif pada jam 9.00 pagi, 5 April 2019 di Auditorium CIAST.



JPK Bowling Tournament 2019 pada 13 April 2019 di Putrajaya. Juara, Tempat Ketiga dan Tempat Keempat menjadi milik TEAM BOWLING CIAST.





Majlis Korban 1440H pada 14 Ogos 2019 anjuran KKC dan JK Surau CIAST.



Kursus Arduino Programming For STEM Education anjuran Kelab Kakitangan CIAST (KKC) sempena cuti sekolah akhir tahun pada 9 dan 10 Disember.

## Kutipan Sumbangan Tabung CIAST PRIHATIN

Sumbangan daripada warga CIAST melalui tabung CIAST PRIHATIN. Edaran tabung dibuat setiap kali perhimpunan bulanan CIAST dilangsungkan. Kutipan merupakan dana yang digunakan bagi menyampaikan sumbangan kepada ahli KKC yang kehilangan ahli keluarga terdekat. Seramai 15 orang ahli telah menerima manfaat.

# PUSPANITA CIAST

## Aktiviti PUSPANITA CIAST sepanjang tahun 2019



**Mesyuarat Induk PUSPANITA JPK 2/2018, 4**  
Januari, Jumaat  
Ibu pejabat JPK Putrajaya.



**Mesyuarat Induk PUSPANITA CIAST 1/2019**  
17 Januari, Khamis  
Bilik Mesyuarat PPL, CIAST Shah Alam.



**Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-36**  
**PUSPANITA Cawangan KSM**  
29 Januari, Selasa  
Auditorium Kompleks D Putrajaya.



**Majlis Amanat Pengarah Bersama**  
**Kakitangan Wanita CIAST**  
1 Februari, Jumaat  
Auditorium CIAST.



**Lawatan ke Kompleks Nasyrul Quran**  
27 Februari, Rabu  
Presint 14 Putrajaya.



**Pesta Buku Antarabangsa 2019**

2 April, Selasa  
PWTC Kuala Lumpur.



**Majlis PUSPANITA CIAST**

5 Mac, Selasa  
Dewan Seri Hatinie Shah Alam.



**Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri  
PUSPANITA Negeri Selangor**

28 Jun, Jumaat  
Dewan Jubli Perak Sultan Abdul Aziz  
Shah Alam.



**Serlahkan Keayuan Mu**

12 Julai, Jumaat  
CIAST Shah Alam.



**Malaysia Negara Membaca**

1 Ogos, Khamis  
CIAST Shah Alam.



**Sesi Penampilan Peribadi Dan  
Personaliti Korporat**

19 September, Khamis  
Ballroom Dewan Jubli Perak Sultan  
Abdul Aziz, Shah Alam.



**Nak Sihat**  
22 November, Jumaat  
CIAST Shah Alam.



**Program Kembara Jalinan Kasih anjuran PUSPANITA Kebangsaan  
dan PUSPANITA Negeri Selangor**  
26 November, Jumaat  
Klang Selangor.



**Pemakaian Uniform PUSPANITA**  
Khamis Minggu Pertama.

# JAWATANKUASA SURAU CIAST

Senarai Jawatankuasa Surau CIAST bagi tahun 2019 adalah seperti berikut;

<b>Penaung</b>	:	Dr. Mohamad Bin Sulaiman
<b>Pengerusi</b>	:	En. Ahmad Zahiri Bin Abdul Kadir
<b>Timbalan Pengerusi</b>	:	En. Mohamad Asrofi Bin Muslim
<b>Imam</b>	:	En. Wan Mohammed Azmi Bin Md Seman En. Maznizam Bin Mansor
<b>Setiausaha</b>	:	En. Ahmad Zaki Bin Ali Hussin Pn. Norhayati Binti Hj. Othman
<b>Bendahari</b>	:	En. Muhammad Nooradzam Bin Adam
<b>Ahli Jawatankuasa</b>	:	En. Mohd Noor Azlan Bin Mohamed Sidek En. Hafiz Bin Saad En. Mohd Rafizie Bin Rahaidir Pn. Rahimah Binti Abdul Hamid

Aktiviti sepanjang tahun 2019 adalah seperti berikut;



Majlis Khatam Quran, 4 Januari 2019, 10 pagi di Surau CIAST.



Mesyurat JK Surau, 22 Februari 2019, 9.30 pagi di Kafeteria CIAST.



Ceramah Sempena Peristiwa Isra' dan Mikraj di auditorium CIAST anjuran KKC dan JK Surau CIAST disampaikan oleh Ustaz Mohamad Amiro Safwan bin Mohd Kamil, editor Kanan Kumpulan Karangkrif pada jam 9.00 pagi.



Tadarus Al Quran Sepanjang Ramadan selepas solat Zohor.



Majlis Kurban pada 14 Ogos 2019 di Surau CIAST anjuran bersama KKC.



Bacaan AlQuran Mingguan pada setiap hari Jumaat jam 8.00 pagi di Surau CIAST



Solat dan Khutbah Gerhana Matahari pada 26 Disember 2019 di Surau CIAST.



Kelas Pengajian Pelajar VTO selepas Maghrib sepanjang kursus VTO berlangsung.

# MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (MPP) 2019/2020

## Jawatankuasa Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) CIAST 2019/2020

<b>Penaung</b>	: En. Baharil Ihzan Bin Onn
<b>Penasihat</b>	: Pn. Suraya Binti Ali
<b>Presiden</b>	: Lukman Nulhakim Bin Ramli
<b>Timbalan Presiden Lelaki</b>	: Mohd Jabir Said Bin Mustafa Maarop
<b>Timbalan Presiden Wanita</b>	: Nurul Sharmila Binti Mohamad Duri
<b>Setiausaha</b>	: Nurul Huda Binti Mohd Zainul
<b>Bendahari</b>	: Muhammad Alhakim Bin Rosman
<b>Biro Kebajikan</b>	: Mohd Hairul Nizam Bin Syamsuddin
<b>Biro Disiplin</b>	: Johari Bin Kamaludin
<b>Biro Kerohanian</b>	: Muhammad Ridzuan Hafiz Bin Harun
<b>Biro Sukan</b>	: Tengku Amirhafizie Bin Tengku Rahim

Senarai aktiviti sepanjang tahun:



Program Suaikenal Pelajar Baru Sesi Januari  
pada 9-11 Januari 2019.



Kempen Derma Darah Bersama Kementerian  
Kesihatan Malaysia pada 24 Januari 2019.



Kuliah Subuh oleh Ustaz Wan Azmi pada 22 Mac 2019.



Program Suaikenal Pelajar Baru Sesi Mei pada 9-11 Mei 2019.



Program gotong-royong asrama pada 11 Mei 2019.



Aktiviti di Surau CIAST selepas solat Maghrib.



Kaedah penyembelihan menurut Islam pada 9 Ogos 2019.



Program Kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) pada 7-8 November 2019 di Kalumpang Resort and Training Center.

# AKTIVITI KAMPUS SATELIT CIAST

Program utama yang dijalankan di Kampus Satelit CIAST (CSC) ialah kursus **Sijil Pengajar Vokasional (Vocational Training Operation-VTO)** di samping kursus-kursus jangka pendek yang dijalankan bagi memenuhi permintaan dan keperluan tenaga pengajar institusi latihan kemahiran dari semasa ke semasa. Pada tahun 2019 sebanyak 116 program dan aktiviti yang melibatkan ko-kurikulum, *career guidance* dan *healthy lifestyle* telah dilaksanakan oleh CSC di seluruh negara dengan penglibatan seramai 666 orang pengajar pelatih daripada 14 buah CSC.

Secara umumnya di antara aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan di CSC adalah seminar pengajar kemahiran, seminar kerjaya, seminar teknologi, karnival sukan, gotong-royong, program khidmat komuniti, program jelajah kemahiran, program jalinan kasih anak yatim, ekspedisi pendakian gunung, ekspedisi berkayak, aktiviti perkhemahan, *jungle trekking* dan ceramah kesihatan.

Program-program ini dianjurkan sepenuhnya oleh pengajar pelatih CSC bagi memenuhi keperluan kompetensi *Co-Curriculum Activities Implementation* dan juga memenuhi hasrat CIAST agar graduan CIAST mendapat pendedahan yang melibatkan kerja-kerja kemasyarakatan dan gaya hidup sihat.

Aktiviti kerja-kerja kemasyarakatan ini dilakukan secara berkumpulan agar dapat memupuk nilai-nilai sosial, kemahiran sosial, sahsiah diri di samping memberi peluang pengajar pelatih bekerjasama, berorganisasi, menyelesaikan permasalahan, berbakti kepada masyarakat dan memupuk perasaan muhibah antara CSC dan komuniti yang dilibatkan di dalam program ini.



Aktiviti Pendakian Gunung Tampin,  
Negeri Sembilan.



Kem Bina Siswa 2019 CSC ADTEC Bintulu.

# KERJASAMA CIAST DAN INDUSTRI

## **Nota Kerjasama antara Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) Dan Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) Berhubung Kerjasama Kampus Satelit CIAST (CSC) di Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Teknik (IPGKPT), Bandar Enstek, Negeri Sembilan.**

Kementerian Sumber Manusia (KSM) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah bekerjasama sejak tahun 2012 dalam melahirkan tenaga pengajar Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) melalui kerjasama antara Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dan Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM). Melalui kerjasama tersebut, Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Teknik (IPGKPT), Bandar Enstek, Negeri Sembilan telah dipilih sebagai salah sebuah Kampus Satelit CIAST (CSC).

Kampus Satelit CIAST Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Teknik (CSC-IPGKPT) telah mula beroperasi pada tahun 2016 dengan memberi fokus untuk mempersiapkan guru-guru daripada BPTV melalui pelaksanaan kursus jangka pendek (fast-track) di mana guru-guru dipersijilkan dengan persijilan Sijil Pengajar Vokasional melibatkan calon-calon guru dari KV, SMT, SMV dan Sekolah Menengah Harian (program PAV dan PVMA).

Mulai tahun 2018, kerjasama yang sedia terjalin ini diperluaskan dengan penawaran kursus jangka panjang Vocational Training Operation (VTO) secara sepenuh masa di CSC-IPGKPT untuk meningkatkan pembangunan pengajar TVET.

Majlis menandatangani **Nota Kerjasama telah dimeterai pada 16 Julai 2019 (Selasa) di Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Teknik (IPGKPT), Bandar Enstek, Negeri Sembilan.** Majlis Menandatangani MoU dan Nota Kerjasama telah disempurnakan oleh **YBhg. Dato' Amir Omar, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia dan YBhg. Dato' Kamel Mohamad, Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan Strategik) mewakili Ketua Setiausaha KPM.**



Majlis MoU antara JPK dan IPG.

## Memorandum Persefahaman (MoU) antara Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dan Scientific & Technical Products Sdn. Bhd.

MoU antara Jabatan Pembangunan Kemahiran dan **Scientific & Technical Products Sdn. Bhd.** telah dimeterai pada 21 Oktober 2019 di Auditorium CIAST Shah Alam dengan disaksikan oleh **YB Dato' Mahfuz Bin Omar, Timbalan Menteri Sumber Manusia.**

Scientific & Technical Products Sdn. Bhd. memiliki kepakaran dalam teknologi terkini terutamanya menyediakan penyelesaian seperti produk perubatan dan makmal, peralatan multimedia, serta produk pendidikan dan latihan.

Syarikat ini telah dilantik sebagai pengedar tunggal untuk sistem latihan/ latihan pendidikan yang baru dan terkini seperti *Internet of Things (IoT), Wireless Communication, Robotic (Humanoid, Autonomous Robocar, Drone), Green & Renewable Energy Technology, Cyber Security, Mobile Forensic, Software Testing* dari Korea dan Amerika Syarikat.

Pemeteraian MoU ini diharapkan menjadi pemangkin dalam usaha untuk memodenkan metodologi pengajaran dalam bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) kepada tenaga pengajar TVET negara.



Majlis MoU antara JPK dan Scientific & Technical Products Sdn. Bhd.

# ANUGERAH PERDANA MENTERI TOKOH MAHIR 2019

## Dato' IR. Jaseni Bin Maidinsa (Syarikat Bekalan Air Pulau Pinang)

Ketua Pegawai Eksekutif PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. (PBAPP) telah menerima **Anugerah Perdana Menteri Tokoh Mahir (APMTM) 2019** daripada **Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir bin Mohamad** sempena Sambutan Hari Pekerja Kebangsaan 2019 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya pada 1 Mei 2019.

Anugerah ini diberikan untuk mengiktiraf sumbangan utama Dato' Ir. Jaseni Bin Maidinsa dalam memperjuangkan, membangun dan mempromosikan program latihan kecekapan untuk industri bekalan air di Malaysia. APMTM dianugerahkan kepada individu yang telah memberi sumbangan besar kepada pembangunan kemahiran dalam negara. Penerima diperakui oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia (KSM).



Penyampaian Anugerah Perdana Menteri Tokoh Mahir kepada Dato' Ir. Jaseni Bin Maidinsa oleh Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir bin Mohamad.

## AKTIVITI PROMOSI DAN PAMERAN

Sepanjang tahun 2019, CIAST telah menyertai beberapa pameran atas undangan daripada pelbagai pihak. CIAST juga telah menerima pelawat dari dalam dan luar negara yang berminat untuk mengetahui berkenaan CIAST lebih lanjut.

Beberapa aktiviti promosi ke pusat-pusat bertauliah awam dan swasta juga telah dilaksanakan bagi memperjelaskan program-program latihan di CIAST kepada pengajar dan pelajar institut.

Bil	Nama karnival	Tarikh dan tempat	Anjuran
1	Pameran Sempena Seminar TVET di University College of Technology Sarawak (UCTS)	18 Februari 2019 UCTS, Sibul, Sarawak	UCTS dan CIAST
2	Karnival Pengajian Tinggi Negara 2019 Zon Johor	2-3 Mac 2019 UTHM, Johor	Jabatan Pengajian Tinggi (JPT)
3	Karnival Pengajian Tinggi Negara 2019 Zon Pulau Pinang	9-10 Mac 2019 USM, Pulau Pinang	Jabatan Pengajian Tinggi (JPT)
4	Karnival Pengajian Tinggi Negara 2019 Zon Kelantan	16-17 Mac 2019 AEON Mall Kota Bharu, Kelantan	Jabatan Pengajian Tinggi (JPT)
5	Karnival Pengajian Tinggi Negara 2019 Zon Selangor	30-31 Mac 2019 MAEPS, Serdang	Jabatan Pengajian Tinggi (JPT)
6	Pameran MUB-CHINA TVET Fair	24-24 April Chinese Assembly Hall, K.L	MUB (Merdeka University Berhad)
7	Karnival Kemahiran Zon Selatan	27 April 2019 SMK Dato Sedia Raja, Rembau, N. Sembilan	JPK Wilayah Selatan
8	Pameran sempena Majlis Mou CIAST dan KPM	16 Julai 2019 CSC-IPG Enstek	Unit CSC PPK
9	Pameran Sempena Seminar Future of TVET Occupational Standard And The 15th AASVET International Conference 2019 (OSAICS2019)	7-8 Oktober 2019 Putrajaya Marriot Hotel IOI Resort City	Asian Academic Society for Vocational Education and Training (AASVET)
10	Pameran Sempena Seminar Inovasi Perkhidmatan Awam 2019	29 dan 30 Oktober 2019 Dewan Sri Baiduri INTAN Bukit Kiara	INTAN
11	Pameran Sempena Persidangan PSH Peringkat Nasional 2019	7 November 2019 Dewan Sri Siantan, Perbadanan Putrajaya	Kementerian Pendidikan Malaysia
12	Pameran Kerjaya Sempena Karnival Kolej Vokasional Seri Iskandar, Perak	13 November 2019 KV Seri Iskandar	KV Seri Iskandar

**Jadual 23:** Senarai pameran yang disertai 2019.

## Kehadiran Pelawat tahun 2019

Bil	Pelawat	Tarikh	Tujuan
1	Bahagian Kejuruteraan Forensik, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia	14 Februari 2019	Mengetahui peralatan pemotongan besi untuk kes kemalangan.
2	Jabatan Pembangunan Sumber Manusia Negeri Sabah (JPSM)	15 Februari 2019	Program latihan dan pembangunan sumber manusia.
3	Malaysia Japan International Institute of Technology (MJIT) UTM, Kuala Lumpur	21 Februari 2019	Program kerjasama.
4	Institut Penilaian Negara (INSPEN), Bangi	13 Mac 2019	Tugasan praktikal peserta kursus Penilaian Jentera - siri 1.
5	Institut Penilaian Negara (INSPEN), Bangi	20 Mac 2019	Tugasan praktikal peserta kursus Penilaian Jentera - siri 2.
6	Kolej Komuniti Bukit Beruang, Melaka	11 April 2019	Lawatan ke Bengkel Automotif - teknologi Hybrid.
7	Kolej Vokasional Pasir Mas, Kelantan	28 Jun 2019	Program latihan CIAST, lawatan sambil belajar.
8	National Training Fund, Sultanate of Oman	31 Julai 2019	Lawatan sambil belajar.
9	Lawatan dari Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Teknik (IPG) Bandar Enstek.	8 Oktober 2019	Penandaarasan EKSA.
10	Lawatan dari International Institute of Public Policy and Management (INPUMA), University of Malaya dan Pegawai dari Nepal	8 November 2019	Lawatan sambil belajar.
11	Lawatan dari GIFTS (Global Institute for Transferring Skills), HRD Korea	9 Disember 2019	Berkenaan penganjuran pertandingan WorldSkills Malaysia.
12	Lawatan dari Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu (YPKT)	10 Disember 2019	Program latihan CIAST, lawatan sambil belajar.

**Jadual 24:** Senarai pelawat tahun 2019.



Penerangan kepada pelawat dari Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu (YPKT) di bengkel Automotif.

## Aktiviti Promosi 2019

Bil	Institut	Tarikh
1	Kolej Sei Ryu Sha, Shah Alam	8 Februari 2019
2	Kolej CQ TECH SUNWAY, USJ	27 Februari 2019
3	Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, Puchong	8 Februari 2019
4	Institut Semarak Felda (ISEF) Bangi	9 Februari 2019
5	Institut Karisma, Jalan Klang Lama	14 Februari 2019
6	Kolej VIS Mechatronic, Shah Alam	18 Februari 2019
7	Jabatan Veterinar Shah Alam	6 Mac 2019
8	Kasih Anana Pro Skills Institute, K.L	14 Mac 2019
9	Sunrise International College, Klang	10 April 2019
10	Butter & Olive College of Baking, Puchong	19 April 2019
11	Institut Latihan Perindustrian Kangar, Perlis	2 Mei 2019
12	Institut Kemahiran Belia Negara Jitra, Kedah	2 Mei 2019
13	Institut Kemahiran Belia Negara Wakaf Tapai, Marang, Terengganu	8 Mei 2019
14	Institut Latihan Perindustrian Pedas, Negeri Sembilan	8 Mei 2019
15	TESDEC, Marang, Terengganu	8 Mei 2019
16	Institut Latihan Perindustrian Bukit Katil, Melaka	21 Mei 2019
17	Microtech Training Centre, Klang	20 Jun 2019
18	MIT Academy Sdn. Bhd. Kota Kemuning	20 Jun 2019
19	Institut Latihan Perindustrian Kuala Lumpur	24 Jun 2019
20	Institut Latihan Perindustrian Kuantan	24 Jun 2019
21	Tech Terrain College Subang Jaya	13 Ogos 2019
22	Institut Kemahiran Belia Negara Dusun Tua	9 Oktober 2019

**Jadual 25:** Senarai taklimat promosi tahun 2019.



Taklimat kepada Kakitangan dan Pelajar Kolej CQ TECH SUNWAY, USJ.





**PUSAT LATIHAN PENGAJAR &  
KEMAHIRAN LANJUTAN (CIAST)**

**JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN  
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

 Jalan Petani 19/1, Seksyen 19,  
40300 Shah Alam, Selangor.

 +603-5543 8200

 +603-5543 8200

 [info@ciast.gov.my](mailto:info@ciast.gov.my)

 [www.ciastr.gov.my](http://www.ciastr.gov.my)

 [www.facebook.com/ciastrshahalam](https://www.facebook.com/ciastrshahalam)

